



**TINJAUAN PERSEPSI PEMBELAJARAN BAHASA ARAB UNTUK
TUJUAN IBADAH SEBAGAI SATU KEPERLUAN BAGI
MASYARAKAT MUSLIM AWAM DI MALAYSIA**

Journal:	<i>Asia Pacific Journal of Educators and Education</i>
Manuscript ID:	JPP-OA-10-13-0023.R1
Manuscript Type:	Original Article
Keywords:	bahasa Arab, pembelajaran bahasa bagi tujuan khusus, ibadah, masyarakat awam, pembinaan modul

SCHOLARONE™
Manuscripts

View Only

**TINJAUAN PERSEPSI PEMBELAJARAN BAHASA ARAB UNTUK
TUJUAN IBADAH SEBAGAI SATU KEPERLUAN BAGI MASYARAKAT
MUSLIM AWAM DI MALAYSIA**

***(A PERCEPTION SURVEY ON ARABIC LANGUAGE LEARNING FOR
WORSHIP PURPOSE AS A REQUIREMENT FOR PUBLIC MUSLIM
SOCIETY IN MALAYSIA)***

Mohd Shahrizal Nasir¹, Mohd Firdaus Yahaya², Muhammad Sabri Sahrir^{3*}

^{1,2} Pusat Pengajian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak,
21300 Kuala Terengganu, Terengganu

³ Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 53100 Gombak, Kuala Lumpur

*Corresponding author: muhdsabri@iium.edu.my

Abstrak: Bahasa Arab merupakan satu bahasa yang mempunyai kedudukan istimewa dalam Islam. Ia dipilih untuk menjadi bahasa pengantara bagi membawa mesej Islam. Al-Quran dan hadis yang merupakan panduan utama umat Islam disampaikan kepada mereka dalam bahasa Arab. Selain itu, kesemua amal ibadah umat Islam tidak terlepas daripada penggunaan bahasa Arab, malah menjadi syarat sesuatu ibadah itu diterima oleh Allah SWT khususnya yang melibatkan ibadah seperti solat dan haji. Hal ini menjadikan bahasa Arab amat sinonim dengan Islam dan umatnya. Kepentingan bahasa ini dalam kehidupan setiap muslim menjelaskan keperluan untuk mempelajari dan menguasai bahasa Arab. Selain itu, kepelbagaian bangsa dan bahasa umat Islam di seluruh dunia menjadi asas utama perlunya usaha mempelajari bahasa Arab khususnya bagi tujuan ibadah. Oleh itu, dapat difahami bahawa pembelajaran bahasa Arab oleh setiap individu muslim bukan merupakan satu pilihan tetapi satu keperluan. Artikel ini dihasilkan dengan tujuan untuk meninjau persepsi berkaitan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan masyarakat muslim awam di Malaysia. Kajian dijalankan melalui soal selidik yang dimuat naik dalam laman sosial Facebook[®] melibatkan sejumlah 616 responden di seluruh Malaysia. Sasaran utama bagi kajian ini ialah masyarakat muslim awam daripada pelbagai latar belakang pendidikan. Hasil kajian menunjukkan majoriti masyarakat awam mengiktiraf kepentingan pembelajaran bahasa Arab bagi masyarakat muslim khususnya bagi memahami bacaan-bacaan asas dalam ibadah. Selain itu, pelbagai cadangan turut dikemukakan oleh responden bagi meningkatkan mutu pembelajaran bahasa Arab. Berdasarkan dapatan daripada kajian ini, satu rumusan cadangan modul pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah telah dicadangkan bagi membantu masyarakat awam mempelajari bahasa ini berdasarkan cadangan responden.

Kata kunci: bahasa Arab, pembelajaran bahasa bagi tujuan khusus, ibadah, masyarakat awam, pembinaan modul.

Abstract: Arabic is a language that has a special position in Islam. It was chosen to be the main medium for delivering the message of Islam. Al-Quran and Hadith as the ultimate guidance for Muslims are delivered to them in Arabic language. In addition, all of deeds of worship among Muslims are not spared from the use of Arabic, as it is a requirement for the acceptance of this worship by Allah the Almighty especially in congregational prayers and pilgrimage. This makes the Arabic language is synonymous with Islam and Muslims. The importance of this language in the life of every muslim shows the need to learn and master the Arabic language. Besides, the diversity of races and languages among Muslims around the world become the crucial need for them to learn Arabic in particular for the purpose of worship. Therefore, it can be understood that learning Arabic by every single muslim is not an option but a necessity. This article aims to explore the perceptions related to Arabic language learning among public Muslim society in Malaysia. The study was conducted through a survey questionnaire posted in a social networking site, Facebook[®] among 616 respondents from various states in Malaysia. The main aim of respondents in this study is public Muslim society from various educational backgrounds. Results showed that the majority of the respondents recognize the importance of learning Arabic for the Muslim society in particular, in order to understand the basic recitations in their worships. Various suggestions were also put forward by respondents to improve the quality of learning Arabic. Based on the findings of this research, a set of suggestions of designing a module for Arabic language learning for worship purpose is suggested in order to assist the public in learning this language.

Keywords: Arabic language, language learning for specific purposes, worship, public society, curriculum design

PENDAHULUAN

Bahasa merupakan satu elemen penting dalam kehidupan manusia. Dengan bahasa, manusia dapat memenuhi tuntutan hidup masing-masing iaitu melalui medium komunikasi. Komunikasi yang berkesan mampu menjamin keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat, sebaliknya komunikasi yang bermasalah boleh mencetuskan konflik dalam kehidupan. Di dalam al-Quran, Allah SWT menjelaskan kepentingan bahasa berdasarkan firman-Nya yang bermaksud: “Dan Dia telah mengajarkan nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu Dia berfirman: Terangkanlah kepada-Ku nama benda-benda ini semuanya, jika kamu golongan yang benar.” (Surah al-Baqarah, 2: 31). Ayat tersebut secara jelas membuktikan bahawa nabi Adam merupakan manusia pertama yang diciptakan oleh Allah SWT dan diberi ilmu bahasa oleh Allah SWT dalam bentuk pengenalan tentang nama sekalian kejadian ciptaan-Nya. Kepelbagaian bahasa di dunia yang digunakan oleh umat manusia untuk berkomunikasi merupakan antara bukti kebesaran Allah SWT. Firman Allah SWT di dalam al-Quran yang bermaksud: “Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan kebijaksanaan-Nya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan.” (Surah al-Rum, 30: 22). Dalam kepelbagaian bahasa ini, umat manusia perlu saling berkenalan dan memahami antara satu sama lain bagi memenuhi tuntutan

hidup. Kewujudan pelbagai bahasa di dunia membuktikan kehebatan ilmu Allah SWT yang amat luas dalam penciptaan sekalian makhluk-Nya.

Namun dalam kepelbagaian ini, bahasa Arab telah dipilih untuk menjadi bahasa yang membawa mesej agama Islam. Al-Quran yang merupakan kitab suci umat Islam diturunkan kepada umat manusia dalam bahasa Arab. Malah, Rasulullah SAW yang dilantik sebagai utusan terakhir di dunia juga dilahirkan dalam kalangan masyarakat Arab. Pemilihan bahasa Arab dilihat sebagai satu pengiktirafan terhadap bahasa ini kerana ia menjadi perbincangan para ilmunan dalam memahami dan menjelaskan maksud suruhan dan tegahan daripada Allah SWT. Pemilihan bahasa Arab semestinya membawa seribu satu kelebihan sama ada kepada bahasa tersebut mahupun umat Islam yang perlu mempelajari dan mendalami bahasa Arab. Di dalam al-Quran, Allah SWT menjelaskan pemilihan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran menerusi firman-Nya yang bermaksud: “Sesungguhnya Kami menurunkan Kitab itu sebagai al-Quran yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya.” (Surah Yusuf, 12: 2). Dalam ayat lain, Allah SWT berfirman yang maksudnya: “Dan demikianlah Kami menurunkan al-Quran sebagai hukum dalam bahasa Arab. Dan demi sesungguhnya, jika engkau (wahai Muhammad) menurut kehendak hawa nafsu mereka sesudah datangnya kepadamu wahyu pengetahuan (tentang kebenaran), maka tiadalah engkau peroleh daripada Allah sesuatu pun yang dapat mengawal dan memberi perlindungan kepadamu (daripada perkara-perkara yang tidak diingini).” (Surah al-Ra’d, 13: 37).

Bahasa Arab tidak boleh dipisahkan daripada pelaksanaan amal ibadah oleh umat Islam. Menurut Komaruddin (1996), konsep mengenai ‘bahasa agama’ telah menjadi agenda perbincangan dan perdebatan banyak pihak termasuk ahli linguistik, ahli teologi dan ahli falsafah. Hal ini memberi petunjuk bahawa fungsi bahasa Arab amat besar dalam pelaksanaan tuntutan agama Islam. Tuntutan untuk mempelajari bahasa Arab tidak hanya tertumpu kepada golongan tertentu yang menjurus kepada tujuan akademik sahaja, malah ia turut menjadi satu keperluan bagi masyarakat awam yang beragama Islam. Oleh itu, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa mempelajari bahasa Arab oleh umat Islam merupakan satu keperluan dan bukan satu pilihan.


PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DI MALAYSIA

Jika disoroti sejarah perkembangan bahasa Arab di Malaysia, ia telah mula masuk ke Alam Melayu sejak kurun pertama Hijrah iaitu selaras dengan penerimaan masyarakat Melayu terhadap agama Islam (Fatimi, 1963). Selari dengan proses penyebaran agama Islam di Alam Melayu oleh para pedagang Arab dan Parsi, banyak perubahan telah berlaku dalam kehidupan masyarakat Melayu ketika itu meliputi aspek kepercayaan, politik, pendidikan, kebudayaan dan kemasyarakatan. Perubahan ini turut melibatkan proses pembelajaran bahasa Arab. Bahasa Arab telah berkembang secara aktif sebagai bahasa kepada agama Islam. Ia merupakan bahasa untuk memahami dan mendalami agama Islam serta untuk menunaikan ibadah (Rosni, 2009). Selain itu, pengaruh bahasa Arab telah memartabatkan bahasa Melayu sehingga mencapai status bahasa ilmu (Mohd Shahrizal & Kamarul Shukri, 2012). Antara contoh paling jelas bagi membuktikan pengaruh besar bahasa Arab dalam bahasa Melayu ialah peminjaman kosa kata Arab yang seterusnya diterima pakai dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu.

Pemanfaatan kosa kata bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu tidak tertumpu pada bidang agama sahaja, malah ia mencakupi pelbagai bidang. Keadaan ini secara tidak langsung menunjukkan sifat bahasa Arab yang universal, dan ia turut membantu proses pengantarabangsaan bahasa Melayu, serta mengembalikannya sebagai *lingua franca* sepertimana satu masa dahulu (Mohd Shahrizal, 2013). Antara bidang yang terlibat dalam pemanfaatan kosa kata Arab ke dalam bahasa Melayu ialah:

1. Agama: baligh, doa, hadis, haji, imam, kiblat, mufti, munafik, murtad, nabi, rasul, zakat, tarekat, tasawuf, tauhid, umrah, wali, ajal, bilal, fardu, fikah, hidayah, iktikad, makmum, masjid, sujud, tahlil, zikir.
2. Ilmu: ahli, ayat, falak, fasal, falsafah, hikayat, hisab, ilmu, jawab, kalam, kamus, khatam, kitab, makrifat, riwayat, sejarah, soal, takwim, tarikh, ulama, arif, jahil, loghat, jumlah, madrasah, nahu.
3. Hukum: adil, batal, fatwa, halal, haram, hakim, hukum, kadi, mahkamah, makruh, mansuh, sah, tertib, wajib, wakaf, wakil, wilayah, zalim, qada', usul, tafsir, kaedah, wazir, amir, sultan, ijtihad, khalifah.
4. Adat: akad, fakir, fitnah, hormat, kafilah, karib, kaum, kerabat, maaf, maruah, musafir, nasab, nikah, salam, sedekah, tahniah, takziah, umat, waris, ziarah, adat, azimat, darjat, ghaib, maulud, mastautin.
5. Kejadian dan Perbuatan: alam, dunia, haiwan, insan, jasad, nur, roh, wajah, wujud, nahas, wabak, sahur, kuat, kubah, lazat, salji, sifat.
6. Perasaan dan Fikiran: aman, faham, fikir, hajat, ikhlas, ilham, insaf, kalbu, kkuatir, maksud, mustahil, nafsu, nasihat, niat, yakin, ajaib, asyik, bahas, dahsyat, hawa, takjub, muhibah, nasib, syak, waham, musykil.

Kesemua contoh yang dinyatakan itu memberi petunjuk bahawa pemanfaatan bahasa Arab dalam bahasa Melayu tidak hanya melibatkan perkara-perkara berkaitan agama, malah ia turut mencakupi pelbagai aspek dalam kehidupan manusia. Sebenarnya, jika dilihat secara lebih luas, pengaruh bahasa Arab dalam bahasa Melayu tidak hanya tertumpu kepada aspek kosa kata, malah ia turut melibatkan aspek sebutan dan tulisan. Pengaruh bahasa Arab dan Islam itu sendiri telah memberi kesan yang besar kepada sebutan perkataan dalam bahasa Melayu. Hal ini sedikit sebanyak didorong oleh amalan membaca al-Quran yang merupakan satu kemestian bagi masyarakat Islam, tambahan pula ia dikira sebagai satu ibadah dan dijanjikan ganjaran pahala. Begitu juga dengan kelahiran tulisan Jawi yang huruf-hurufnya terdiri daripada huruf-huruf al-Quran atau huruf-huruf bahasa Arab.



Rajah 1. Hubungan timbal balas antara agama Islam, bahasa Arab, dan budaya

Berdasarkan Rajah 1, Kamarul Shukri et al. (2012) menyatakan bahawa terdapat hubungan timbal balas antara agama Islam, bahasa Arab dan budaya masyarakat muslim setempat yang menerima Islam sebagai satu cara hidup. Menurut Kamarul Shukri et al. (2012), kedudukan bahasa Arab sebagai 'bahasa ibadah' turut mempengaruhi proses pembelajaran golongan muslim yang mempelajari bahasa Arab dalam persekitaran amalan berkaitan agama Islam dipraktikkan secara berterusan. Hal ini disebabkan mereka sentiasa menggunakan bahasa tersebut dalam pelaksanaan amal ibadah secara harian. Bahasa Arab digunakan oleh umat Islam pada setiap hari kerana pelaksanaan amal ibadah seperti solat, azan, tilawah al-Quran, zikir, khutbah, selawat, doa dan sebagainya dilaksanakan dalam bahasa tersebut dan secara umumnya ia tidak menggunakan terjemahan bahasa-bahasa lain di dunia. Situasi ini membuktikan secara jelas bahawa bahasa Arab digunakan oleh setiap individu muslim dalam kehidupan seharian sebagai hamba Allah SWT yang taat di atas segala titah perintah-Nya.

Begitu juga dengan majlis atau keraian tertentu yang dijalankan oleh masyarakat muslim khususnya di Malaysia yang turut memanfaatkan penggunaan bahasa Arab. Majlis atau keraian yang diadakan dengan berorientasikan agama seperti majlis perkahwinan, doa selamat, yasinan dan tahlilan dan kenduri kesyukuran menyambut kelahiran bayi turut memanfaatkan penggunaan bahasa Arab. Dalam kenduri kesyukuran menyambut kelahiran bayi misalnya, dibacakan qasidah-qasidah dan selawat dalam bahasa Arab yang memuji Rasulullah SAW sepertimana yang terkandung dalam kitab Barzanji. Senario keagamaan ini telah berjaya membudayakan amalan agama Islam dalam kalangan masyarakat Melayu (Kamarul Shukri et al., 2012). Selain itu, potensi bahasa Arab juga boleh dimanfaatkan bagi pelbagai tujuan seperti komunikasi antarabangsa dan pelancongan Islam seperti melatih pemandu pelancong yang mahir berkomunikasi dalam bahasa Arab (Muhammad Sabri, 2013). Berdasarkan realiti ini, dapat difahami bahawa bahasa Arab merupakan satu bahasa yang tidak asing dalam kehidupan masyarakat muslim khususnya di Malaysia. Himpunan kosa kata bahasa Arab dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu dan penggunaan bahasa Arab dalam pelaksanaan amal ibadah dan penganjuran majlis berorientasikan Islam seharusnya memberi motivasi kepada masyarakat untuk mempelajari dan mendalami bahasa Arab. Mentaliti negatif yang menyatakan bahawa bahasa Arab itu rumit dan sukar untuk dipelajari perlu diperbetulkan, sebaliknya ia merupakan satu bahasa yang mudah dan penggunaannya telah sehati dalam kehidupan seharian umat Islam.

PERNYATAAN MASALAH

Proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab terus mengalami perkembangan positif di Tanah Melayu bermula dari institusi pondok dan madrasah pada abad ke-18 Masihi (Abdullah Jusuh, 1989). Proses perkembangan yang amat baik ini terus berlangsung sehingga kini bermula dari peringkat rendah dengan pelaksanaan program j-QAF (Jawi, Quran, Arab dan Fardu Ain) di sekolah rendah. Bagi peringkat tinggi pula, banyak institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menawarkan program pengajian bahasa Arab seperti di Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) turut bersama dalam membuka ruang pengajian bahasa Arab di Malaysia kepada pelajar masing-masing. Hal ini dapat dilihat apabila beberapa buah institusi pengajian tinggi swasta yang berorientasikan agama menawarkan pengajian bahasa Arab khususnya kepada para pelajar diploma dan ijazah pertama. Antara institusi-institusi tersebut ialah Al-Madinah International University (MEDIU), Kolej Universiti Insaniah (KUIN), Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS), Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), Kolej Islam Antarabangsa (IIC), dan lain-lain.

Secara umumnya, pelbagai kajian telah dijalankan bagi memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di peringkat institusi pendidikan di Malaysia. Kajian ini dilihat sebagai satu usaha positif bagi memastikan kelangsungan proses pemeraksanaan pengajian bahasa Arab di Malaysia. Namun, proses pembelajaran bahasa Arab tidak sewajarnya hanya tertumpu kepada kelompok yang berada di institusi pendidikan sahaja, sama ada di sekolah mahupun di pusat pengajian tinggi awam dan swasta. Proses ini perlu turut melibatkan masyarakat awam khususnya bagi tujuan ibadah. Menurut Hassan Basri dan Mohd Azhar (2005) pengajaran bahasa Arab perlu diperluaskan kepada umum yang melibatkan pengajaran bahasa Arab untuk tujuan khusus. Meskipun jika dibandingkan dengan bidang pengajaran bahasa Inggeris, istilah pengajaran bahasa untuk tujuan khusus iaitu *English for Specific Purposes* (ESP) jauh ke hadapan berbanding dengan bidang bahasa Arab, namun usaha ke arah pemeraksaannya sedang giat dijalankan.

Usaha pemeraksanaan pengajian bahasa Arab untuk tujuan ibadah atau tujuan agama juga sedang giat berjalan. Sebagai contoh, penemuan Strategi Metafizik sebagai salah satu Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) mengukuhkan hubungan antara pembelajaran bahasa Arab dengan ibadah. Menurut Kamarul Shukri et al. (2009), pengaruh agama dan ibadah ke atas pembelajaran bahasa secara umumnya dan penggunaan SPB secara khususnya menjadi lebih kukuh apabila bahasa tersebut merupakan bahasa agama dan ibadah. Selain itu, kemunculan buku-buku pengajian bahasa Arab yang memberi fokus kepada tujuan ibadah turut menyerlahkan usaha berterusan ke arah pemeraksanaan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Tujuan ibadah di sini merangkumi aspek ayat-ayat al-Quran, hadis Rasulullah SAW, bacaan dalam ibadah seperti solat dan haji serta bacaan zikir dan doa harian. Antara buku atau modul pembelajaran bahasa Arab tersebut ialah *Panduan Belajar Bahasa Arab untuk Jemaah Haji dan Umrah* (2009) oleh

Muhammad Sabri Sahrir, *Pengajaran Bahasa Arab Menerusi al-Quran* (2010) oleh Sohair Abdel Moneim Sery, *Bahasa Arab untuk Ibadah* (2010) oleh Mohd Puzhi Usop dan Mohammad Seman, *Asas Bahasa Arab Melalui al-Quran* (2010) oleh Zainuddin Ismail, Ibrahim Yaacob dan Salamiah Ab. Ghani, dan *Fahami Bacaan dalam Solatmu* (2011) oleh Ibrahim Hashim, Isahak Haron et al. Keperluan mempelajari bahasa Arab untuk memahami al-Quran dan tujuan ibadah turut dinyatakan oleh Naimah Abdullah et al. (2006), Zamri Rajab et al. (2012) dan Suhaila Zailani@ Hj. Ahmad et al. (2012) dalam perbincangan kajian ilmiah mereka. Kajian berkaitan pengajaran bahasa Arab yang berkait dengan tujuan agama seperti yang dijalankan di bawah program j-QAF turut disarankan oleh Ismail Muhamad et al. (2013) supaya diberikan penambahbaikan secara berterusan bagi memastikan ia dapat menjadi satu inovasi dalam sistem pendidikan negara.

Namun, pastinya masih terdapat ruang yang masih boleh diisi dalam usaha penambahbaikan dari semasa ke semasa. Dari sudut yang lain pula, usaha mencari kaedah atau modul pembelajaran bahasa Arab yang lebih efektif perlu terus dijalankan agar kepelbagaian yang wujud dapat memberi nilai tambah yang terbaik dalam usaha meningkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah khususnya yang melibatkan masyarakat awam. Bertolak daripada permasalahan ini, kajian ini berusaha mendapatkan pandangan dan respons golongan awam tentang pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah bagi masyarakat awam.

OBJEKTIF KAJIAN


Meskipun kewujudan buku atau modul pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab adalah sangat menggalakkan dalam pasaran semasa, namun berdasarkan kajian terkini yang dijalankan oleh Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad et al. (2012), kesemua modul ini masih belum memenuhi kehendak khalayak pembaca atau pelajar bahasa Arab daripada kalangan masyarakat awam. Bertolak daripada dapatan tersebut, kajian ini dijalankan bagi meneruskan usaha penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah yang melibatkan masyarakat awam. Objektif kajian ini adalah sepertimana berikut:

- a) Mengetahui persepsi masyarakat awam terhadap pembelajaran bahasa Arab.
- b) Mengetahui ciri-ciri modul pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah yang sejajar dengan kehendak masyarakat awam.
- c) Mendapatkan pandangan masyarakat awam terhadap modul pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian kuantitatif yang melibatkan borang soal selidik. Soal selidik ini dijalankan secara atas talian (*online*). Penghebahan soal selidik kepada responden dijalankan menggunakan laman sosial Facebook[®] berdasarkan fakta yang menunjukkan bahawa Facebook[®] merupakan medium popular yang digunakan secara meluas dalam dunia maya (Ellison Steinfield & Lampe, 2007; Sharifah Sofia et al., 2011). Akaun Facebook[®] salah seorang penulis iaitu Mohd Shahrizal Nasir yang mempunyai sejumlah 5000 orang sahabat (*friends*) telah dijadikan medium

1
2
3 untuk mengumpul responden bagi menjawab soal selidik kajian ini. Pembukaan borang kajian
4 soal selidik secara atas talian mengambil masa selama 15 hari bermula pada 2 Mei 2013 hingga
5 16 Mei 2013. Kaji selidik ini dijalankan dalam bahasa Melayu memandangkan sasaran
6 responden adalah dalam kalangan masyarakat muslim awam di Malaysia. Rajah 2 berikut adalah
7 paparan yang merujuk kepada hebahan soalan kaji selidik yang dipaparkan dalam akaun
8 Facebook®.
9
10



33
34
35
36
37
38
39
40
41
42
43
44
45
46
47
48
49
50
51
52
53
54
55
56
57
58
59
60

Rajah 2. Paparan hebahan soal selidik kajian menggunakan medium Facebook®

Setelah tempoh masa yang ditetapkan untuk mengumpul data tamat, kajian soal selidik ini melibatkan seramai 616 orang responden. Berdasarkan kalkulator pengiraan kesahan jumlah sampel secara atas talian dalam laman sesawang www.raosoft.com, saiz sampel kajian yang mencapai tahap kebolehpercayaan bagi populasi 5000 orang ialah antara 257, 357 dan 586 orang mengikut tahap kebolehpercayaan tersendiri iaitu 90%, 95% dan 99%. Oleh itu, jumlah 616 orang responden yang terlibat dalam kajian ini telah melepasi tahap kebolehpercayaan kajian yang dijalankan.

Borang soal selidik kajian ini terdiri daripada empat bahagian. Bahagian A melibatkan latar belakang responden sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual 2, 3 dan 4. Untuk bahagian B dan D, skala Likert lima tahap digunakan bagi menilai persepsi masyarakat awam terhadap pembelajaran bahasa Arab dan pandangan mereka tentang ciri-ciri umum pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah. Lima skala Likert yang digunakan ialah 1 = Sangat tidak setuju, 2 = Tidak setuju, 3 = Tidak pasti, 4 = Setuju, dan 5 = Sangat Setuju. Bahagian C pula melibatkan soalan objektif berkaitan kefahaman asas masyarakat awam terhadap bacaan ibadah dalam bahasa Arab. Namun, analisis dapatan untuk makalah ini tidak melibatkan bahagian C. Berikut ialah empat bahagian borang soal selidik kajian yang dinyatakan dalam Jadual 1:

Jadual 1. Kandungan item set soal selidik

Bahagian	Item
A	Latar Belakang responden.
B	Persepsi responden terhadap pembelajaran bahasa Arab.
C	Kefahaman asas dalam bahasa Arab dalam kalangan responden.
D	Cadangan responden terhadap modul pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Analisis demografi responden menunjukkan sejumlah 616 orang responden yang terdiri daripada pelbagai latar belakang terlibat dalam kajian ini. Berikut dinyatakan maklumat berkaitan responden.

Jadual 2. Maklumat responden

Negeri di Malaysia	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Perlis	2	0.3
Kedah	32	5.2
Pulau Pinang	12	1.9
Perak	29	4.7
Selangor	180	29.2
Kelantan	53	8.6
Terengganu	53	8.6
Sarawak	8	1.3
Negeri Sembilan	20	3.2
Melaka	16	2.6
Johor	110	17.9
Sabah	9	1.5
Pahang	20	3.2
Wilayah Persekutuan (Putrajaya/Labuan)	52	8.4
Lain-lain	20	3.2
Jumlah	616	100.0

Jadual 2 menunjukkan maklumat responden berkaitan negeri tempat tinggal masing-masing. Berdasarkan maklumat ini, kesemua negeri mempunyai wakil responden. Selangor mencatatkan bilangan responden paling ramai iaitu seramai 180 orang (29.2%), diikuti dengan negeri Johor seramai 110 orang (17.9%). Manakala bagi negeri Kelantan dan Terengganu, masing-masing mencatat bilangan responden seramai 53 orang (8.6%). Negeri Sabah, Sarawak dan Perlis diwakili oleh bilangan responden paling kecil dengan masing-masing seramai 9 (1.5%), 8 (1.3%) dan 2 (0.3%) responden. Berdasarkan jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini didapati

bahawa penggunaan Facebook[®] sebagai medium untuk menyebarkan soal selidik merupakan salah satu cara yang efektif dan mudah bagi mendapatkan jumlah responden yang relevan dalam kajian yang dijalankan.

Jadual 3. Jantina responden

	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	317	51.5
Perempuan	299	48.5
Jumlah	616	100.0

Dari segi jantina pula, Jadual 3 menunjukkan bahawa responden terdiri daripada 317 orang lelaki (51.5%) dan 299 orang perempuan (48.5%). Perbezaan bilangan responden lelaki dan perempuan tidak begitu ketara iaitu hanya 3%. Jurang perbezaan yang kecil ini memberi petunjuk bahawa isu yang diketengahkan dalam kajian ini menjadi perhatian masyarakat awam merentasi batasan gender.

Jadual 4. Latar pendidikan responden

	Kekerapan	Peratus (%)
SPM/STPM	32	5.2
Diploma	74	12.0
Ijazah	364	59.1
Sarjana	117	19.0
PhD	25	4.1
Lain-lain	4	.6
Jumlah	616	100.0

Jadual 4 menyatakan latar belakang pendidikan para responden. Maklumat dalam jadual menunjukkan bahawa responden terdiri daripada pelbagai latar pendidikan. Pemegang ijazah pertama atau ijazah sarjana muda mencatatkan bilangan yang tertinggi iaitu seramai 364 orang (59.1%). Jumlah kedua terbesar iaitu seramai 117 orang (19.0%) iaitu terdiri daripada responden yang memiliki ijazah Sarjana. Responden yang memiliki ijazah doktor falsafah (PhD), iaitu tahap pendidikan tertinggi dalam akademik turut serta sebagai responden dalam kajian ini dengan jumlah seramai 25 orang (4.1%). Kelompok responden ini terdiri daripada pemegang PhD daripada pelbagai bidang pengajian. Manakala terdapat 4 orang responden atau (0.6%) yang menyatakan latar pendidikan lain-lain.

Daripada soal selidik yang dijalankan bagi mengenal pasti persepsi responden yang terdiri daripada masyarakat awam terhadap pembelajaran bahasa Arab ini, beberapa keputusan analisis dapat dilihat sebagai petunjuk bagi mencapai objektif kajian.

Jadual 5. Persepsi responden terhadap pembelajaran bahasa Arab

		Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju
1	Saya berminat untuk mempelajari bahasa Arab.	3 (0.5%)	8 (1.3%)	54 (8.8%)	156 (25.3%)	395 (64.1%)
2	Saya merasakan bahawa mempelajari bahasa Arab merupakan satu keperluan.	4 (0.6%)	4 (0.6%)	50 (8.1%)	156 (25.3%)	402 (65.3%)
3	Saya mudah untuk mendapatkan bahan pembelajaran bahasa Arab yang sesuai dengan keperluan saya.	21 (3.4%)	112 (18.2%)	235 (38.1%)	158 (25.6%)	90 (14.6%)
4	Saya menggunakan bahasa Arab setiap hari.	198 (32.1%)	144 (23.4%)	150 (24.4%)	54 (8.8%)	70 (11.4%)
5	Sebagai muslim, saya berpendapat bahawa mempelajari bahasa Arab adalah sesuatu yang penting.	4 (0.6%)	4 (0.6%)	22 (3.6%)	92 (14.9%)	494 (80.2%)
6	Dengan mempelajari bahasa Arab, ia dapat membantu saya memahami bacaan dalam ibadah harian saya.	6 (1.0%)	1 (0.2%)	6 (1.0%)	63 (10.2%)	540 (87.7%)
7	Sekiranya saya diberi peluang untuk belajar bahasa Arab, saya tidak akan melepaskan peluang tersebut.	1 (0.2%)	6 (1.0%)	38 (6.2%)	136 (22.1%)	435 (70.6%)

Berdasarkan dapatan soal selidik yang dinyatakan dalam Jadual 5, minat responden terhadap pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab berada pada tahap yang tinggi dan baik. Item 1 memberi petunjuk jelas bahawa para responden berminat untuk mempelajari bahasa Arab. Hanya 11 orang (1.8%) responden yang tidak berminat untuk mempelajari bahasa Arab. Kesedaran terhadap kepentingan bahasa Arab kepada individu muslim bagi meningkatkan mutu ibadah juga tinggi. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan item 5 yang menunjukkan 494 orang responden atau 80.2% menyatakan sangat setuju bahawa bahasa Arab merupakan sesuatu yang penting bagi setiap muslim. Malah majoriti responden menyatakan bahawa mereka tidak akan melepaskan peluang untuk mempelajari bahasa Arab. Dapatan ini sejajar dengan pendapat Kamarul Shukri et al. (2012) yang menyatakan bahawa kedudukan bahasa Arab sebagai 'bahasa ibadah' mempengaruhi proses pembelajaran bahasa Arab bagi orang Islam dalam persekitaran amalan berkaitan agama Islam dipraktikkan secara berterusan. Namun, item 4 menunjukkan seramai 198 orang responden (32.1%) menyatakan sangat tidak setuju bahawa mereka menggunakan bahasa Arab setiap hari, selain 144 orang (23.4%) menyatakan tidak setuju terhadap pernyataan tersebut. Berdasarkan keputusan ini, menjadi satu keperluan agar diberikan satu penjelasan yang tepat supaya masyarakat awam menyedari keterlibatan mereka sebagai penutur atau pengguna bahasa Arab setiap hari.

Rata-rata daripada kalangan responden tidak menyedari bahawa mereka menggunakan bahasa Arab setiap hari, khususnya dalam pelaksanaan solat fardu lima waktu, zikir, doa harian dan bacaan ayat-ayat al-Quran. Dalam masa yang sama, item 6 yang menyatakan bahawa bahasa Arab dapat membantu responden memahami bacaan dalam pelaksanaan ibadah menunjukkan

seramai 540 orang responden atau 87.7% berpendirian sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Kesedaran tinggi responden terhadap kepentingan pembelajaran bahasa Arab masih belum dapat diterjemahkan dalam pelaksanaan ibadah sekiranya masyarakat awam tidak menyedari penggunaan bahasa ini secara rutin dalam kehidupan harian mereka.

Item nombor 3 menarik pemerhatian agar bahan pembelajaran bahasa Arab yang bersesuaian dengan keperluan usaha mempelajari bahasa Arab perlu dipergiatkan. Promosi bahan-bahan bacaan yang dapat membantu usaha meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab perlu diperhebatkan lagi. Dalam hal ini, seramai 235 orang responden atau 38.1% tidak pasti sama ada mudah atau sukar untuk mendapatkan bahan pembelajaran bahasa Arab dalam pasaran semasa. Hal ini menjadi asas perlunya usaha memperbanyakkan modul pengajaran bahasa Arab dalam pasaran semasa terutama yang melibatkan fokus untuk tujuan ibadah.

Jadual 6. Cadangan responden terhadap pembinaan modul pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah

		Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju
1	Saya berpendapat perlu ada modul khusus untuk mempelajari bahasa Arab.	3 (0.5%)	2 (0.3%)	25 (4.1%)	164 (26.6%)	422 (68.5%)
2	Saya berpendapat modul mestilah menepati tujuan pembelajaran bahasa Arab.	3 (0.5%)	0 (0%)	19 (3.1%)	163 (26.5%)	431 (70.0%)
3	Saya berpendapat modul mestilah meraikan latar belakang penuntut bahasa Arab.	13 (2.1%)	19 (3.1%)	112 (18.2%)	167 (27.1%)	305 (49.5%)
4	Saya berpendapat kaedah terjemahan dapat membantu saya memahami bahasa Arab.	4 (0.6%)	8 (1.3%)	36 (5.8%)	157 (25.5%)	411 (66.7%)
5	Saya berpendapat tatabahasa bahasa Arab tidak perlu diutamakan bagi pembelajaran bahasa Arab di peringkat permulaan.	138 (22.4%)	132 (21.4%)	152 (24.7%)	89 (14.4%)	105 (17.0%)
6	Saya berpendapat dengan mempelajari bahasa Arab, ia dapat menambah kekhayusan dalam solat.	3 (0.5%)	3 (0.5%)	21 (3.4%)	83 (13.5%)	506 (82.1%)
7	Saya berpendapat perlu diperbanyakkan contoh-contoh ayat yang dipetik daripada bacaan dalam ibadah.	2 (0.3%)	2 (0.3%)	29 (4.7%)	140 (22.7%)	443 (71.9%)

8	Saya berpendapat untuk menguasai bahasa Arab memerlukan latihan yang komprehensif.	1 (0.2%)	5 (0.8%)	24 (3.9%)	163 (26.5%)	423 (68.7%)
9	Saya berpendapat kemahiran mendengar perlu diutamakan dalam modul bahasa Arab.	1 (0.2%)	8 (1.3%)	70 (11.4%)	217 (35.2%)	320 (51.9%)
10	Saya berpendapat kemahiran bertutur perlu diutamakan dalam modul bahasa Arab.	2 (0.3%)	10 (1.6%)	53 (8.6%)	192 (31.2%)	359 (58.3%)
11	Saya berpendapat kemahiran membaca perlu diutamakan dalam modul bahasa Arab.	1 (0.2%)	2 (0.3%)	38 (6.2%)	218 (35.4%)	357 (58.0%)
12	Saya berpendapat kemahiran menulis perlu diutamakan dalam modul bahasa Arab.	6 (1.0%)	13 (2.1%)	69 (11.2%)	234 (38.0%)	294 (47.7%)

Jadual 6 memaparkan dapatan soal selidik berkenaan ciri-ciri modul atau buku bagi pembelajaran bahasa Arab. Fokus diberikan terhadap masyarakat awam yang berhajat untuk mempelajari bahasa Arab terutamanya yang melibatkan tujuan ibadah. Item 1 menunjukkan seramai 422 orang responden atau 68.5% menyatakan sangat setuju terhadap keperluan penghasilan sebuah modul khusus untuk mempelajari bahasa Arab yang meraikan tahap dan latar belakang pelajar serta tujuan pembelajaran bahasa Arab. Kandungan modul pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan akademik pastinya berbeza dengan pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah. Kandungan modul yang memfokus kepada tujuan pembelajaran akan lebih menarik minat pelajar mengikuti modul tersebut. Menurut Hassan Basri dan Mohd Azhar (2005) banyak kesan negatif lahir daripada pendekatan mengajar bahasa Arab secara umum tanpa menjurus kepada keperluan pelajar. Hal tersebut menunjukkan ketidakpekaan tenaga pengajar terhadap keperluan pelajar dan ia akan menghilangkan minat para pelajar terhadap bahasa Arab kerana mereka melihat tiada sebarang hubung kait antara apa yang mereka pelajari dengan apa yang mereka akan aplikasikan.

Menurut Ahmad Majdi (2006), tatabahasa Arab merupakan satu ilmu yang membincangkan kaedah-kaedah pertuturan dan penulisan yang betul. Kamarul Shukri (2005) menyatakan bahawa perkataan 'tatabahasa Arab' adalah sinonim bagi perkataan *al-Nahw al-'Arabi*. Terdapat pendapat yang menyatakan bahawa tatabahasa Arab amat rumit dan sukar untuk difahami, lantas menimbulkan persepsi negatif pelajar terhadap tatabahasa Arab yang merangkumi ilmu nahu dan saraf. Keadaan ini menimbulkan pandangan agar tatabahasa Arab tidak perlu diberi penekanan dalam proses pembelajaran bahasa Arab bagi bukan penutur jati. Walau bagaimanapun, item 5 dalam jadual 6 menunjukkan seramai 270 orang responden (43.8%) tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa tatabahasa Arab tidak perlu diutamakan bagi pembelajaran bahasa Arab pada peringkat permulaan. Dapatan ini menunjukkan bahawa meskipun tatabahasa Arab bersifat rumit, namun ia tetap merupakan satu keperluan dalam pembelajaran bahasa Arab. Tanpa penguasaan terhadap tatabahasa Arab, maka pembelajaran bahasa Arab akan menjadi sia-sia kerana ia hanya akan meletakkan pelajar dalam keadaan yang salah dan sesat. Apatah lagi

1
2
3 apabila bahasa Arab yang dipelajari memfokus terhadap penggunaannya dalam pelaksanaan
4 amal ibadah.
5
6

7 Pendekatan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab perlu lebih kreatif agar dapat menarik
8 minat pelajar untuk mempelajarinya serta mudah untuk memahaminya. Pendekatan pengajaran
9 perlu berbeza mengikut peringkat pembelajaran. Bagi pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan
10 ibadah, contoh-contoh yang dimuatkan dalam modul perlu melibatkan ayat-ayat al-Quran dan
11 bacaan-bacaan dalam solat, zikir dan doa harian. Hal ini sejajar dengan jawapan responden
12 terhadap item soal selidik 7 yang mencatat keputusan sangat setuju oleh 443 orang responden
13 atau 71.9%, dan 140 orang responden atau 22.7% menyatakan setuju terhadap pernyataan
14 berkaitan keperluan pemanfaatan contoh-contoh dalam pembelajaran bahasa Arab yang
15 melibatkan bacaan-bacaan dalam ibadah. Secara umumnya, seseorang itu dianggap sudah
16 mengetahui dan memahami sesuatu bahasa apabila mampu menguasai empat kemahiran asas
17 berbahasa iaitu bertutur, mendengar, membaca dan menulis (Ahmad Majdi, 2006).
18
19
20

21 Dalam kajian ini, dapatan menunjukkan bahawa bagi keutamaan pengajaran bahasa Arab
22 melibatkan kemahiran berbahasa, kemahiran bertutur dan membaca mencatat keputusan tertinggi
23 dengan masing-masing 58.3% dan 58.0% dari segi keutamaannya, berbanding dengan kemahiran
24 mendengar dan menulis. Dua kemahiran yang mencatat pilihan sebagai keutamaan tertinggi iaitu
25 kemahiran bertutur dan membaca dilihat sejajar dengan fokus kajian ini yang memberi
26 keutamaan kepada pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah. Sememangnya kedua-dua
27 kemahiran berbahasa ini mempunyai signifikan yang besar dalam pelaksanaan ibadah oleh
28 seseorang muslim. Dapatan ini sejajar dengan kepentingan kemahiran membaca yang dilihat
29 sebagai kemahiran yang berupaya menyumbang kepada pemeraksanaan kemahiran berbahasa bagi
30 seseorang pelajar. Hal ini disebabkan kemahiran membaca mampu menyediakan tapak yang
31 kukuh bagi pembinaan kemahiran berbahasa (Tu'aymah, 1989; Krashen, 2004). Berkenaan
32 dengan kepentingan kemahiran bertutur pula, menurut Brown (2001) ia merupakan tanda aras
33 (*benchmark*) kejayaan sesuatu usaha pembelajaran bahasa. Manakala Luoma (2004) menyatakan
34 bahawa kemahiran bertutur merupakan komponen penting dalam kurikulum pembelajaran
35 bahasa. Malah kajian Azani Ismail et al. (2012) menyarankan agar aktiviti lakonan dilaksanakan
36 dalam proses pembelajaran bahasa Arab khusus untuk membantu pelajar menguasai kemahiran
37 bertutur. Menerusi aktiviti lakonan, para guru bahasa Arab dapat mengenal pasti kesukaran yang
38 dihadapi oleh pelajar dalam kemahiran bertutur atau kemahiran lisan. Begitulah terserlahnya
39 kepentingan kemahiran membaca dan bertutur dalam proses penguasaan bahasa Arab.
40
41
42
43
44
45

46 **CADANGAN LANJUT RESPONDEN TERHADAP PEMBINAAN MODUL** 47 **PEMBELAJARAN BAHASA ARAB UNTUK TUJUAN IBADAH** 48

49 Bagi mendapat gambaran yang lebih jelas mengenai pandangan responden terhadap ciri-ciri
50 modul pembelajaran bahasa Arab dan pandangan umum mereka terhadap pembelajaran bahasa
51 Arab untuk tujuan ibadah, para pengkaji telah memasukkan tinjauan soal-selidik terbuka (*open-*
52 *ended survey*) dalam kajian ini. Berikut adalah dapatan tema komentar dan cadangan daripada
53 responden yang telah dianalisis berdasarkan komen yang dikumpulkan. Cadangan ini merupakan
54 sebahagian daripada cadangan-cadangan yang telah dikemukakan dan ia dikelaskan kepada dua
55 tema utama. Tema 'Pendekatan/Metode' memberi fokus terhadap cadangan melibatkan
56
57
58
59
60

kandungan modul, manakala tema ‘Motivasi’ melibatkan cadangan bagi meningkatkan tahap motivasi dan minat masyarakat awam terhadap pembelajaran bahasa Arab.

Jadual 7. Tema utama bagi komentar dan cadangan responden terhadap pembinaan modul pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah

No.	Cadangan
1	PENDEKATAN/METODE
	<ul style="list-style-type: none"> • Memperkenalkan masyarakat dengan ungkapan atau frasa dalam bahasa Arab yang membawa maksud doa. Contohnya: “Semoga Allah berkati kamu”, “Semoga kamu dilindungi oleh Allah”, “Semoga Allah lanjutkan usia kamu” dan “Semoga kamu mendapat kejayaan cemerlang”. • Menggunakan pendekatan pengulangan (<i>tardid</i>) sesuatu perkataan dan sentiasa mengaitkan pelajaran lepas dengan pelajaran semasa. • Menggunakan sistem Transliterasi dalam modul bahasa Arab. • Memberi contoh setiap kata kerja (<i>fi'l</i>) dan kata nama (<i>ism</i>) yang diambil daripada al-Quran dan hadis atau bacaan zikir yang <i>ma'thur</i>. • Menitikberatkan modul kemahiran penulisan dan komunikasi dalam bentuk <i>fushah</i> (bahasa rasmi), bukan <i>'ammi</i> (bahasa pasar). • Melatih supaya belajar bahasa Arab berdasarkan tafsir al-Quran dan kamus bahasa Arab. • Mahir dalam penggunaan <i>wazn</i> (pola) yang merupakan perubahan daripada satu perkataan kepada makna yang pelbagai. • Mengajar dalam bentuk <i>smart</i> atau ringkas; seperti penggunaan jadual, nota ringkas dan peta minda yang mudah. • Mengetahui keutamaan mempelajari bahasa secara kritikal, iaitu untuk komunikasi, membaca teks, memahami ayat-ayat al-Quran dan menulis. • Mengutamakan aspek tatabahasa Arab iaitu nahu dan saraf. • Memulakan pembelajaran dengan perkara-perkara asas terlebih dahulu seperti <i>ism</i> (kata nama), <i>fi'l</i> (kata kerja), <i>harf</i> (partikel), <i>muzakar</i> (maskulin) dan <i>mu'annath</i> (feminin), <i>damir</i> (kata ganti nama), <i>ism al-isharah</i> (kata tunjuk) dan lain-lain. • Pembelajaran perlulah disertai dengan suara supaya dapat diperbetulkan sebutan huruf Arab.
2	MOTIVASI
	<ul style="list-style-type: none"> • Perlu lebihkan pendedahan kepada masyarakat awam tentang keperluan mempelajari bahasa Arab serta perlu seiring dengan suntikan motivasi dan <i>'mindset'</i> bahawa bahasa Arab itu mudah.

- Memperbanyak sumber pembelajaran bahasa Arab melalui kemudahan internet seperti Facebook, Twitter, Google+, Edmodo, laman web & blog.
 - Menerbitkan satu buku atau modul khas yang mudah difahami dan dipelajari untuk setiap peringkat. Buku yang digunakan mestilah mudah, bergambar dan mempunyai pelbagai warna.
 - Memperbanyak slot belajar bahasa Arab dalam televisyen dan radio yang melibatkan orang dewasa sebagai peserta.
 - Membuat *hiwar* (perbualan) yang berbentuk kartun ataupun animasi bergambar berserta terjemahannya.
 - Cara penyampaian perlu berkesan mengikut peringkat umur. Contohnya bagi peringkat kanak-kanak dan remaja, mungkin melalui permainan. Manakala peringkat dewasa melalui pendekatan agama.
 - Pembelajaran dan pengajaran yang disulami dengan teori dan praktikal dan menyeronokkan. Adanya aktiviti seperti syair, nasyid, *choral speaking* (bicara berirama) dan seumpamanya.
 - Pembelajaran bahasa Arab dapat disertakan juga dengan tulisan Jawi dan khat.
 - Menganjurkan kursus asas bahasa Arab untuk sesiapa yang akan menunaikan ibadah umrah atau haji.
 - Tidak terlalu menekankan aspek tatabahasa untuk pelajar yang baru mula mempelajari bahasa Arab. Sebaliknya mereka perlu mengaplikasi konsep dengar, tiru dan ajuk semula iaitu sama seperti kaedah semula jadi yang digunakan oleh kanak-kanak kecil ketika mula belajar bertutur.
 - Mengadakan kelas-kelas pengajian secara percuma untuk masyarakat awam dan disertakan dengan aktiviti yang menarik dan bersesuaian mengikut tahap pelajar.
 - Memberikan risalah bahasa Arab berserta terjemahan pada hari Jumaat di masjid-masjid. Contohnya dalam bentuk cerita, dialog dan isu semasa berserta terjemahannya.
 - Mewujudkan suasana pembelajaran yang merangsang minat pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab.
-

PERBINCANGAN DAPATAN

Hasil daripada komentar dan cadangan oleh para responden daripada kajian ini, pelbagai input boleh digabung jalin bagi menghasilkan sebuah modul pembelajaran yang meraikan latar belakang dan cita rasa pelajar. Bagi tema 'Pendekatan/Metode' yang memberi fokus terhadap cadangan melibatkan kandungan modul, rata-rata responden mengaitkan elemen-elemen ibadah dalam pembelajaran bahasa Arab seperti ayat-ayat suci al-Quran dan hadis, bacaan zikir yang *ma'thur* dan penggunaan tafsir al-Quran. Malah ada dalam kalangan responden yang menekankan perlunya mempelajari bahasa Arab *fushah* (bahasa rasmi) yang sememangnya digunakan dalam pelaksanaan amal ibadah. Begitu juga dengan penekanan terhadap tatacara

sebutan huruf bahasa Arab. Sepertimana yang diketahui umum, kesalahan dalam menyebut huruf-huruf Arab dalam bacaan ayat-ayat suci al-Quran dan bacaan-bacaan tertentu dalam solat boleh menyebabkan pelaksanaan ibadah tersebut tidak mencapai kualiti yang sepatutnya, malah mungkin menyebabkan ibadah solat tidak sah. Berkenaan dengan tema kedua iaitu 'Motivasi' yang melibatkan cadangan bagi meningkatkan tahap motivasi dan minat masyarakat awam terhadap pembelajaran bahasa Arab, didapati bahawa ramai responden menyarankan agar proses pembelajaran bahasa Arab untuk golongan masyarakat awam disertakan dengan elemen motivasi yang dapat mengubah persepsi mereka terhadap bahasa Arab. Bahasa Arab perlu dikenali sebagai satu bahasa yang mudah kerana ia digunakan dalam pelaksanaan ibadah setiap hari, ditambah pula pemanfaatan sejumlah besar kosa kata Arab dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu. Kesemua ini memberi petunjuk bahawa bahasa Arab itu mudah untuk dikuasai.

Selain itu, pemanfaatan kemudahan teknologi masa kini dalam dunia komunikasi mempunyai peranan tersendiri dalam meningkatkan motivasi pelajar dalam aktiviti pembelajaran bahasa. Media sosial seperti Facebook, Twitter, Google+, Edmodo, laman web, blog dan koswer perlu dimanfaatkan pada tahap maksimum dalam proses pembelajaran bahasa Arab secara interaktif. Menurut Jamalludin dan Zaidatun (2005), pemanfaatan teknologi dalam pengajaran mampu untuk mempercepatkan proses pemahaman serta mengekalkan maklumat tersebut dalam tempoh masa yang lebih lama dalam ingatan para pelajar. Selain itu, terdapat juga cadangan agar diadakan beberapa aktiviti bahasa yang menarik dan bersesuaian mengikut tahap pelajar semasa dalam proses pembelajaran. Cadangan ini amat bertepatan dengan pandangan Rim Adil al-Tark (2011) yang menyatakan bahawa aktiviti bahasa dapat membentuk persekitaran bahasa dan mempertingkatkan kemahiran berbahasa bagi pelajar khususnya daripada kalangan bukan penutur jati bahasa tersebut. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa modul-modul pembelajaran bahasa Arab bagi tujuan ibadah masih boleh ditambah baik dengan elemen bergambar, teknologi multimedia, kesesuaian tajuk dengan tahap dan keperluan pelajar, serta meraikan pelbagai metode pengajaran dan pembelajaran yang merangsang minat pelajar.

Hakikatnya, pembelajaran bahasa Arab untuk masyarakat awam tidak boleh disamakan dengan pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan akademik sepertimana yang dipraktikkan di sekolah dan institusi pengajian tinggi. Pembelajaran bahasa Arab bagi masyarakat awam perlu meraikan tujuan pembelajaran bahasa Arab sepertimana yang diperlukan oleh golongan ini, khususnya bagi tujuan penambahbaikan mutu amal ibadah.

PENUTUP

Berdasarkan hasil dapatan kajian dan perbincangan mengenainya, dapat disimpulkan bahawa majoriti responden memberi respons yang positif terhadap pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah. Ciri-ciri modul pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah yang dinyatakan oleh para responden menjadi petunjuk kepada kesesuaian modul pembelajaran yang meraikan latar belakang dan tujuan pembelajaran bahasa al-Quran bagi masyarakat awam. Kesemua cadangan yang diberikan oleh responden adalah sangat baik bagi meningkatkan mutu pembelajaran bahasa Arab untuk masyarakat awam. Tanpa menafikan usaha yang telah dimulakan oleh para sarjana bidang pengajian bahasa Arab dalam menghasilkan modul pengajaran masing-masing, satu rangka modul pengajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah

1
2
3 dapat dibina berdasarkan dapatan kajian ini. Usaha ini merupakan satu langkah berterusan dalam
4 menambahbaik proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk masyarakat awam.
5 Pembinaan modul pembelajaran bahasa Arab secara atas talian (*online*) turut dilihat bersesuaian
6 dengan kepesatan dunia teknologi masa kini, selain untuk menyerlahkan kelainan yang terdapat
7 pada modul yang bakal diusahakan. Setiap pihak khususnya golongan muslim perlu berganding
8 bahu dalam usaha memperkasakan bahasa Arab di Malaysia. Kepentingan bahasa ini dalam
9 kehidupan setiap individu muslim mengukuhkan lagi keperluan untuk mempelajari dan
10 menguasai bahasa Arab. Selain merupakan satu bahasa ilmu dan termasuk dalam kategori bahasa
11 utama dunia, pemerksaan bahasa Arab perlu bermula dari institusi pendidikan sama ada di
12 peringkat rendah mahupun peringkat tinggi serta tidak ketinggalan ia juga melibatkan golongan
13 yang lebih besar iaitu masyarakat awam yang beragama Islam.
14
15
16
17

18 19 20 21 22 23 24 25 26 27 28 29 30 31 32 33 34 35 36 37 38 39 40 41 42 43 44 45 46 47 48 49 50 51 52 53 54 55 56 57 58 59 60

RUJUKAN

- ‘Abdullah Basmeih. (2001). *Tafsir pimpinan ar-Rahman kepada pengertian al-Qur’an*. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Abdullah Jusuh. (1989). *Pengenalan tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Majdi Mat Salleh. (2006). *Bahasa Arab Komunikasi tahap 1*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Azani Ismail @ Yaakub, Azman Che Mat & Mat Taib Pa. (2012). Membina kemahiran pertuturan menerusi aktiviti lakonan dalam pengajaran bahasa Arab. *GEMA OnlineTM Journal of Language Studies*, 12(1), 325-337.
- Brown, H. D. (2001). *Teaching by principles: An interactive approach to language pedagogy*. New York: Addison Wesley Longman Inc.
- Ellison, N. B., Steinfield, C., & Lampe, C. (2007). The benefits of Facebook “friends”: Social capital and college students’ use of online social network sites. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 12(4), diakses pada 10 Oktober 2012 pada pautan: <http://jcmc.indiana.edu/vol12/issue4/ellison.html>.
- Fatimi S. Q. (1963). *Islam comes to Malaysia*. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute Limited.
- Hassan Basri Awang Mat Dahan & Mohd Azhar Zailani. (2005). *Pengajaran bahasa Arab untuk tujuan-khusus: Satu pandangan awal*. *Masalah Pendidikan*, 233-244.
- Ibrahim Hashim, Isahak Haron et al. (2011). *Fahami bacaan dalam solatmu*. Batu Caves: PTS Darul Furqan Sdn. Bhd.

- 1
2
3
4
5
6
7
8
9
10
11
12
13
14
15
16
17
18
19
20
21
22
23
24
25
26
27
28
29
30
31
32
33
34
35
36
37
38
39
40
41
42
43
44
45
46
47
48
49
50
51
52
53
54
55
56
57
58
59
60
- Ismail Muhamad, Wan Maizatul Akmar Wan Ahmad & Azman Che Mat. (2013). Sikap dan realiti penguasaan kemahiran bahasa Arab pelajar program j-QAF. *GEMA OnlineTM Journal of Language Studies*, 13(2), 81-97.
- Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir. (2005). *Multimedia konsep & praktis*. Selangor: Venton Publishing Sdn. Bhd.
- Kamarul Shukri Mat Teh. (2005). *Tatabahasa Arab dan pembinaan hukum daripada al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Zamri Mahamod. (2009). Strategi Metafizik: Kesenambungan penerokaan domain strategi utama pembelajaran bahasa. *GEMA OnlineTM Journal of Language Studies*, 9(2), 1-13.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Norasyikin Osman & Siti Salwa Mohd Noor. (2012). Eksplorasi penggunaan Strategi Metafizik ke arah penjajaran tipologi SPB. Dlm. Kamarul Shukri Mat Teh et al., *Dinamika pendidikan bahasa Arab: Menelusuri inovasi profesionalisme keguruan*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 115-127.
- Komaruddin Hidayat. (1996). *Memahami bahasa agama*. Jakarta: Penerbit Paramadina.
- Krashen, S. D. (2004). *The power of reading: Insights from the research*. Ed. Ke-2. Portsmouth: Heinemann.
- Luoma, Sari. (2004). *Assessing speaking*. Cambridge: Cambridge University.
- Mohd Puzhi Usop & Mohammad Seman. (2010). *Bahasa Arab untuk ibadah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh. (2012). *Pemanfaatan kosa kata Arab dalam bahasa Melayu: Satu analisis perbandingan dari sudut semantik*. International Conference on Social Sciences and Humanities, anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia, 12-13 Disember.
- Mohd Shahrizal Nasir. (2013). *Ke arah pemerksaan bahasa al-Quran*. Buletin Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 28-30.
- Muhammad Sabri Sahrir. (2009). *Panduan belajar bahasa Arab untuk jemaah haji dan umrah*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Muhammad Sabri Sahrir. (2013). *Manfaat belajar bahasa Arab*. Kuala Lumpur: Berita Harian, 4 September. Pautan:
<http://www.bharian.com.my/bharian/articles/ManfaatpelajaribahasaArab/Article/cetak>
- Naimah Abdullah, Norhayuza Mohamad, Zuraini Ramli, Aini Aziz, Juridah Atin & Midiyana Mohamad. (2006). *Tinjauan terhadap keperluan pembelajaran Bahasa Arab Untuk*

1
2
3
4
5
6
7
8
9
10
11
12
13
14
15
16
17
18
19
20
21
22
23
24
25
26
27
28
29
30
31
32
33
34
35
36
37
38
39
40
41
42
43
44
45
46
47
48
49
50
51
52
53
54
55
56
57
58
59
60

Tujuan Agama (BATA) di kalangan masyarakat Islam Malaysia. Technical Report. Institute of Research, Development and Commercialization, Universiti Teknologi MARA.

Rim Adil al-Turk. (2011). *Iktisab maharah muhadathah li al-natiqin bi ghayr al-'Arabiyyah bi istiratijiyyah lu'biyyah: Tamthil adwar namuzajan*. Prosiding Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab 2011, 310-319.

Rosni Samah. (2009). *Isu pembelajaran bahasa Arab di Malaysia*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

Sharifah Sofiah, S. Z., Siti Zobidah Omar, Jusang Bolong & Mohd. Nizam. (2011). Facebook addiction among female university students. *Revista de administratie publica si politici sociale*. 2(7), 95-109.

Sohair Abdel Moneim Sery. (2010). *Pengajaran bahasa Arab menerusi al-Quran*. Batu Caves: Pustaka Haji Abdul Majid Sdn. Bhd.

Suhaila Zailani@ Hj. Ahmad, Salamiah Ab. Ghani, Ummu Hani Hj. Hashim, Kahzri Osman, Zainuddin Ismail & Hakim Zainal. (2012). *Modul pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab menerusi al-Quran*. Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12). Disunting oleh: Mohd Shukari Hamzah, et al. Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 255-267.

Tu'aymah, Rushdi Ahmad. (1989). *Ta'lim al-'Arabiyyah li ghayr al-natiqin bi-ha: Asalibu-hu wa manahijuh*. Rabat: Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO).

Zainuddin Ismail, Ibrahim Yaacob & Salamiah Ab. Ghani. (2010). *Asas bahasa Arab melalui al-Quran*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zamri Rajab, Mohd Yusri Mustafa & Mohammad Kamil Jaafar. (2012). Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berbantuan gaya syahid al-Quran (GSQ). *Jurnal Penyelidikan*, Institut Pendidikan Guru (IPG), Kampus Pendidikan Islam, Arkib Julai 2012. Pautan: http://www.ipislam.edu.my/index.php/research/archive/July_2012

**TINJAUAN PERSEPSI PEMBELAJARAN BAHASA ARAB UNTUK
TUJUAN IBADAH SEBAGAI SATU KEPERLUAN BAGI MASYARAKAT
MUSLIM AWAM DI MALAYSIA**

***(A PERCEPTION SURVEY ON ARABIC LANGUAGE LEARNING FOR
WORSHIP PURPOSE AS A REQUIREMENT FOR PUBLIC MUSLIM
SOCIETY IN MALAYSIA)***

Mohd Shahrizal Nasir¹, Mohd Firdaus Yahaya², Muhammad Sabri Sahrir^{3*}

^{1,2} Pusat Pengajian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak,
21300 Kuala Terengganu, Terengganu

³ Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 53100 Gombak, Kuala Lumpur

*Corresponding author: muhdsabri@iium.edu.my

Abstrak: Bahasa Arab merupakan satu bahasa yang mempunyai kedudukan istimewa dalam Islam. Ia dipilih untuk menjadi bahasa pengantara bagi membawa mesej Islam. Al-Quran dan hadis yang merupakan panduan utama umat Islam disampaikan kepada mereka dalam bahasa Arab. Selain itu, kesemua amal ibadah umat Islam tidak terlepas daripada penggunaan bahasa Arab, malah menjadi syarat sesuatu ibadah itu diterima oleh Allah SWT khususnya yang melibatkan ibadah seperti solat dan haji. Hal ini menjadikan bahasa Arab amat sinonim dengan Islam dan umatnya. Kepentingan bahasa ini dalam kehidupan setiap muslim menjelaskan keperluan untuk mempelajari dan menguasai bahasa Arab. Selain itu, kepelbagaian bangsa dan bahasa umat Islam di seluruh dunia menjadi asas utama perlunya usaha mempelajari bahasa Arab khususnya bagi tujuan ibadah. Oleh itu, dapat difahami bahawa pembelajaran bahasa Arab oleh setiap individu muslim bukan merupakan satu pilihan tetapi satu keperluan. **Artikel** ini dihasilkan dengan tujuan untuk meninjau persepsi berkaitan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan masyarakat muslim awam di Malaysia. Kajian dijalankan melalui soal selidik yang dimuat naik dalam laman sosial Facebook[®] melibatkan sejumlah 616 responden di seluruh Malaysia. Sasaran utama bagi kajian ini ialah masyarakat muslim awam daripada pelbagai latar belakang pendidikan. Hasil kajian menunjukkan majoriti masyarakat awam mengiktiraf kepentingan pembelajaran bahasa Arab bagi masyarakat muslim khususnya bagi memahami bacaan-bacaan asas dalam ibadah. Selain itu, pelbagai cadangan turut dikemukakan oleh responden bagi meningkatkan mutu pembelajaran bahasa Arab. Berdasarkan dapatan daripada kajian ini, satu **rangka rumusan cadangan** modul pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah **telah** dicadangkan bagi membantu masyarakat awam mempelajari bahasa ini **berdasarkan cadangan responden**. ~~Setiap pihak khususnya golongan muslim perlu berganding bahu dalam usaha memperkasa pembelajaran bahasa Arab di Malaysia.~~

Kata kunci: bahasa Arab, pembelajaran bahasa bagi tujuan khusus, ibadah, masyarakat awam, **pembinaan** modul **pembelajaran**

Abstract: Arabic is a language that has a special position in Islam. It was chosen to be the main medium for delivering the message of Islam. Al-Quran and Hadith as the ultimate guidance for Muslims are delivered to them in Arabic language. In addition, all of deeds of worship among Muslims are not spared from the use of Arabic, as it is a requirement for the acceptance of this worship by Allah the Almighty especially in congregational prayers and pilgrimage. This makes the Arabic language is synonymous with Islam and Muslims. The importance of this language in the life of every muslim shows the need to learn and master the Arabic language. Besides, the diversity of races and languages among Muslims around the world become the crucial need for them to learn Arabic in particular for the purpose of worship. Therefore, it can be understood that learning Arabic by every single muslim is not an option but a necessity. This article aims to explore the perceptions related to Arabic language learning among public Muslim society in Malaysia. The study was conducted through a survey questionnaire posted in a social networking site, Facebook® among 616 respondents from various states in Malaysia. The main aim of respondents in this study is public Muslim society from various educational backgrounds. Results showed that the majority of the respondents recognize the importance of learning Arabic for the Muslim society in particular, in order to understand the basic recitations in their worships. Various suggestions were also put forward by respondents to improve the quality of learning Arabic. Based on the findings of this research, a new set of suggestions of designing a module for learning Arabic language learning for worship purpose will be is suggested in order to the assist the public in learning this language. Each party especially the Muslims must work together in empowering the learning of Arabic language in Malaysia.

Keywords: Arabic language, language learning for specific purposes, worship, public society, curriculum design for learning

PENDAHULUAN

Bahasa merupakan satu elemen penting dalam kehidupan manusia. Dengan bahasa, manusia dapat memenuhi tuntutan hidup masing-masing iaitu melalui medium komunikasi. Komunikasi yang berkesan mampu menjamin keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat, sebaliknya komunikasi yang bermasalah boleh mencetuskan konflik dalam kehidupan. Di dalam al-Quran, Allah SWT menjelaskan kepentingan bahasa berdasarkan firman-Nya yang bermaksud: “Dan Dia telah mengajarkan nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu Dia berfirman: Terangkanlah kepada-Ku nama benda-benda ini semuanya, jika kamu golongan yang benar.” (Surah al-Baqarah, 2: 31). Ayat tersebut secara jelas membuktikan bahawa nabi Adam merupakan manusia pertama yang diciptakan oleh Allah SWT dan diberi ilmu bahasa oleh Allah SWT dalam bentuk pengenalan tentang nama sekalian kejadian ciptaan-Nya. **Kepelbagaian bahasa di dunia yang digunakan oleh umat manusia untuk berkomunikasi merupakan antara bukti kebesaran Allah SWT. Firman Allah SWT di dalam al-Quran yang bermaksud: “Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan kebijaksanaan-Nya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan.” (Surah al-Rum, 30: 22).** Dalam kepelbagaian bahasa ini, umat

1
2
3 manusia perlu saling berkenalan dan memahami antara satu sama lain bagi memenuhi tuntutan
4 hidup. Kewujudan pelbagai bahasa di dunia membuktikan kehebatan ilmu Allah SWT yang amat
5 luas dalam penciptaan sekalian makhluk-Nya.
6
7

8 Namun dalam kepelbagaian ini, bahasa Arab telah dipilih untuk menjadi bahasa yang membawa
9 mesej agama Islam. Al-Quran yang merupakan kitab suci umat Islam diturunkan kepada umat
10 manusia dalam bahasa Arab. Malah, Rasulullah SAW yang dilantik sebagai utusan terakhir di
11 dunia juga dilahirkan dalam kalangan masyarakat Arab. Pemilihan bahasa Arab dilihat sebagai
12 satu pengiktirafan terhadap bahasa ini kerana ia menjadi perbincangan para ilmuwan dalam
13 memahami dan menjelaskan maksud suruhan dan tegahan daripada Allah SWT. Pemilihan
14 bahasa Arab semestinya membawa seribu satu kelebihan sama ada kepada bahasa tersebut
15 mahupun umat Islam yang perlu mempelajari dan mendalami bahasa Arab. Di dalam al-Quran,
16 Allah SWT menjelaskan pemilihan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran menerusi firman-Nya
17 yang bermaksud: “Sesungguhnya Kami menurunkan Kitab itu sebagai al-Quran yang dibaca
18 dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya.” (Surah Yusuf,
19 12: 2). Dalam ayat lain, Allah SWT berfirman yang maksudnya: “Dan demikianlah Kami
20 menurunkan al-Quran sebagai hukum dalam bahasa Arab. Dan demi sesungguhnya, jika engkau
21 (wahai Muhammad) menurut kehendak hawa nafsu mereka sesudah datangnya kepadamu wahyu
22 pengetahuan (tentang kebenaran), maka tiadalah engkau peroleh daripada Allah sesuatu pun
23 yang dapat mengawal dan memberi perlindungan kepadamu (daripada perkara-perkara yang
24 tidak diingini).” (Surah al-Ra’d, 13: 37).
25
26
27
28

29 Bahasa Arab tidak boleh dipisahkan daripada pelaksanaan amal ibadah oleh umat Islam.
30 Menurut Komaruddin (1996), konsep mengenai ‘bahasa agama’ telah menjadi agenda
31 perbincangan dan perdebatan banyak pihak termasuk ahli linguistik, ahli teologi dan ahli
32 falsafah. Hal ini memberi petunjuk bahawa fungsi bahasa Arab amat besar dalam pelaksanaan
33 tuntutan agama Islam. Tuntutan untuk mempelajari bahasa Arab tidak hanya tertumpu kepada
34 golongan tertentu yang menjurus kepada tujuan akademik sahaja, malah ia turut menjadi satu
35 keperluan bagi masyarakat awam yang beragama Islam. Oleh itu, tidak keterlaluan jika dikatakan
36 bahawa mempelajari bahasa Arab oleh umat Islam merupakan satu keperluan dan bukan satu
37 pilihan.
38
39
40
41

42 **PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DI MALAYSIA**


43
44
45 Jika disoroti sejarah perkembangan bahasa Arab di Malaysia, ia telah mula masuk ke Alam
46 Melayu sejak kurun pertama Hijrah iaitu selaras dengan penerimaan masyarakat Melayu
47 terhadap agama Islam (Fatimi, 1963). Selari dengan proses penyebaran agama Islam di Alam
48 Melayu oleh para pedagang Arab dan Parsi, banyak perubahan telah berlaku dalam kehidupan
49 masyarakat Melayu ketika itu meliputi aspek kepercayaan, politik, pendidikan, kebudayaan dan
50 kemasyarakatan. Perubahan ini turut melibatkan proses pembelajaran bahasa Arab. Bahasa Arab
51 telah berkembang secara aktif sebagai bahasa kepada agama Islam. Ia merupakan bahasa untuk
52 memahami dan mendalami agama Islam serta untuk menunaikan ibadah (Rosni, 2009). Selain
53 itu, pengaruh bahasa Arab telah memartabatkan bahasa Melayu sehingga mencapai status bahasa
54 ilmu (Mohd Shahrizal & Kamarul Shukri, 2012). Antara contoh paling jelas bagi membuktikan
55
56
57
58
59
60

1
2
3 pengaruh besar bahasa Arab dalam bahasa Melayu ialah peminjaman kosa kata Arab yang
4 seterusnya diterima pakai dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu.
5
6

7 Pemanfaatan kosa kata bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu tidak tertumpu pada bidang agama
8 sahaja, malah ia mencakupi pelbagai bidang. Keadaan ini secara tidak langsung menunjukkan
9 sifat bahasa Arab yang universal, dan ia turut membantu proses pengantarabangsaan bahasa
10 Melayu, serta mengembalikan statusnya sebagai *lingua franca* sepertimana satu masa dahulu
11 (Mohd Shahrizal, 2013). Antara bidang yang terlibat dalam pemanfaatan kosa kata Arab ke
12 dalam bahasa Melayu ialah:
13
14

- 15 1. Agama: baligh, doa, hadis, haji, imam, kiblat, mufti, munafik, murtad, nabi, rasul, zakat,
16 tarekat, tasawuf, tauhid, umrah, wali, ajal, bilal, fardu, fikah, hidayah, iktikad, makmum,
17 masjid, sujud, tahlil, zikir.
- 18 2. Ilmu: ahli, ayat, falak, fasal, falsafah, hikayat, hisab, ilmu, jawab, kalam, kamus, khatam,
19 kitab, makrifat, riwayat, sejarah, soal, takwim, tarikh, ulama, arif, jahil, loghat, jumlah,
20 madrasah, nahu.
- 21 3. Hukum: adil, batal, fatwa, halal, haram, hakim, hukum, kadi, mahkamah, makruh,
22 mansuh, sah, tertib, wajib, wakaf, wakil, wilayah, zalim, qada', usul, tafsir, kaedah,
23 wazir, amir, sultan, ijtihad, khalifah.
- 24 4. Adat: akad, fakir, fitnah, hormat, kafilah, karib, kaum, kerabat, maaf, maruah, musafir,
25 nasab, nikah, salam, sedekah, tahniah, takziah, umat, waris, ziarah, adat, azimat, darjat,
26 ghaib, maulud, mastautin.
- 27 5. Kejadian dan Perbuatan: alam, dunia, haiwan, insan, jasad, nur, roh, wajah, wujud, nahas,
28 wabak, sahur, kuat, kubah, lazat, salji, sifat.
- 29 6. Perasaan dan Fikiran: aman, faham, fikir, hajat, ikhlas, ilham, insaf, kalbu, kkuatir,
30 maksud, mustahil, nafsu, nasihat, niat, yakin, ajaib, asyik, bahas, dahsyat, hawa, takjub,
31 muhibah, nasib, syak, waham, musykil.
32
33
34
35
36

37 Kesemua contoh yang dinyatakan itu memberi petunjuk bahawa pemanfaatan bahasa Arab dalam
38 bahasa Melayu tidak hanya melibatkan perkara-perkara berkaitan agama, malah ia turut
39 mencakupi pelbagai aspek dalam kehidupan manusia. Sebenarnya, jika dilihat secara lebih luas,
40 pengaruh bahasa Arab dalam bahasa Melayu tidak hanya tertumpu kepada aspek kosa kata,
41 malah ia turut melibatkan aspek sebutan dan tulisan. Pengaruh bahasa Arab dan Islam itu sendiri
42 telah memberi kesan yang besar kepada sebutan perkataan dalam bahasa Melayu. Hal ini sedikit
43 sebanyak didorong oleh amalan membaca al-Quran yang merupakan satu kemestian bagi
44 masyarakat Islam, tambahan pula ia dikira sebagai satu ibadah dan dijanjikan ganjaran pahala.
45 Begitu juga dengan kelahiran tulisan Jawi yang huruf-hurufnya terdiri daripada huruf-huruf al-
46 Quran atau huruf-huruf bahasa Arab.
47
48
49
50
51
52
53
54
55
56
57
58
59
60



Rajah 1. Hubungan timbal balas antara agama Islam, bahasa Arab, dan budaya

Berdasarkan Rajah 1, Kamarul Shukri et al. (2012) menyatakan bahawa terdapat hubungan timbal balas antara agama Islam, bahasa Arab dan budaya masyarakat muslim setempat yang menerima Islam sebagai satu cara hidup. Menurut Kamarul Shukri et al. (2012), kedudukan bahasa Arab sebagai 'bahasa ibadah' turut mempengaruhi proses pembelajaran golongan muslim yang mempelajari bahasa Arab dalam persekitaran amalan berkaitan agama Islam dipraktikkan secara berterusan. Hal ini disebabkan mereka sentiasa menggunakan bahasa tersebut dalam pelaksanaan amal ibadah secara harian. Bahasa Arab digunakan oleh umat Islam pada setiap hari kerana pelaksanaan amal ibadah seperti solat, azan, tilawah al-Quran, zikir, khutbah, selawat, doa dan sebagainya dilaksanakan dalam bahasa tersebut dan secara umumnya ia tidak menggunakan terjemahan bahasa-bahasa lain di dunia. Situasi ini membuktikan secara jelas bahawa bahasa Arab digunakan oleh setiap individu muslim dalam kehidupan seharian sebagai hamba Allah SWT yang taat di atas segala titah perintah-Nya.

Begitu juga dengan majlis atau keraian tertentu yang dijalankan oleh masyarakat muslim khususnya di Malaysia yang turut memanfaatkan penggunaan bahasa Arab. Majlis atau keraian yang diadakan dengan berorientasikan agama seperti majlis perkahwinan, doa selamat, yasinan dan tahlilan dan kenduri kesyukuran menyambut kelahiran bayi turut memanfaatkan penggunaan bahasa Arab. Dalam kenduri kesyukuran menyambut kelahiran bayi misalnya, dibacakan qasidah-qasidah dan selawat dalam bahasa Arab yang memuji Rasulullah SAW sepertimana yang terkandung dalam kitab Barzanji. Senario keagamaan ini telah berjaya membudayakan amalan agama Islam dalam kalangan masyarakat Melayu (Kamarul Shukri et al., 2012). Selain itu, potensi bahasa Arab juga boleh dimanfaatkan bagi pelbagai tujuan seperti komunikasi antarabangsa dan pelancongan Islam seperti melatih pemandu pelancong yang mahir berkomunikasi dalam bahasa Arab (Muhammad Sabri, 2013).

Berdasarkan realiti ini, dapat difahami bahawa bahasa Arab merupakan satu bahasa yang tidak asing dalam kehidupan masyarakat muslim khususnya di Malaysia. Himpunan kosa kata bahasa Arab dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu dan penggunaan bahasa Arab dalam pelaksanaan amal ibadah dan penganjuran majlis berorientasikan Islam seharusnya memberi motivasi kepada masyarakat untuk mempelajari dan mendalami bahasa Arab. Mentaliti negatif yang menyatakan bahawa bahasa Arab itu rumit dan sukar untuk dipelajari perlu diperbetulkan,

1
2
3 sebaliknya ia merupakan satu bahasa yang mudah dan penggunaannya telah sehati dalam
4 kehidupan seharian umat Islam.
5
6
7

8 **PERNYATAAN MASALAH**

9
10 Proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab terus mengalami perkembangan positif di
11 Tanah Melayu bermula dari institusi pondok dan madrasah pada abad ke-18 Masihi (Abdullah
12 Jusuh, 1989). Proses perkembangan yang amat baik ini terus berlangsung sehingga kini bermula
13 dari peringkat rendah dengan pelaksanaan program j-QAF (Jawi, Quran, Arab dan Fardu Ain) di
14 sekolah rendah. Bagi peringkat tinggi pula, banyak institusi pengajian tinggi awam (IPTA)
15 menawarkan program pengajian bahasa Arab seperti di Universiti Malaya (UM), Universiti
16 Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti
17 Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Sultan Zainal Abidin
18 (UniSZA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
19
20
21

22 Institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) turut bersama dalam membuka ruang pengajian bahasa
23 Arab di Malaysia kepada pelajar masing-masing. Hal ini dapat dilihat apabila beberapa buah
24 institusi pengajian tinggi swasta yang berorientasikan agama menawarkan pengajian bahasa Arab
25 khususnya kepada para pelajar diploma dan ijazah pertama. Antara institusi-institusi tersebut
26 ialah Al-Madinah International University (MEDIU), Kolej Universiti Insaniah (KUIN), Kolej
27 Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
28 (KUIS), Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS), Kolej Islam Antarabangsa Sultan
29 Ismail Petra (KIAS), Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), Kolej Islam Antarabangsa (IIC),
30 dan lain-lain.
31
32
33

34 Secara umumnya, pelbagai kajian telah dijalankan bagi memantapkan proses pengajaran dan
35 pembelajaran bahasa Arab di peringkat institusi pendidikan di Malaysia. Kajian ini dilihat
36 sebagai satu usaha positif bagi memastikan kelangsungan proses pemeraksanaan pengajian bahasa
37 Arab di Malaysia. Namun, proses pembelajaran bahasa Arab tidak sewajarnya hanya tertumpu
38 kepada kelompok yang berada di institusi pendidikan sahaja, sama ada di sekolah mahupun di
39 pusat pengajian tinggi awam dan swasta. Proses ini perlu turut melibatkan masyarakat awam
40 khususnya bagi tujuan ibadah. Menurut Hassan Basri dan Mohd Azhar (2005) pengajaran bahasa
41 Arab perlu diperluaskan kepada umum yang melibatkan pengajaran bahasa Arab untuk tujuan
42 khusus. Meskipun jika dibandingkan dengan bidang pengajaran bahasa Inggeris, istilah
43 pengajaran bahasa untuk tujuan khusus iaitu *English for Specific Purposes* (ESP) jauh ke hadapan
44 berbanding dengan bidang bahasa Arab, namun usaha ke arah pemeraksaannya sedang giat
45 dijalankan.
46
47
48

49 Usaha pemeraksanaan pengajian bahasa Arab untuk tujuan ibadah atau tujuan agama juga sedang
50 giat berjalan. Sebagai contoh, penemuan Strategi Metafizik sebagai salah satu Strategi
51 Pembelajaran Bahasa (SPB) mengukuhkan hubungan antara pembelajaran bahasa Arab dengan
52 ibadah. Menurut Kamarul Shukri et al. (2009), pengaruh agama dan ibadah ke atas pembelajaran
53 bahasa secara umumnya dan penggunaan SPB secara khususnya menjadi lebih kukuh apabila
54 bahasa tersebut merupakan bahasa agama dan ibadah. Selain itu, kemunculan buku-buku
55 pengajian bahasa Arab yang memberi fokus kepada tujuan ibadah turut menyerlahkan usaha
56
57
58
59
60

berterusan ke arah pemeraksanaan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Tujuan ibadah di sini merangkumi aspek ayat-ayat al-Quran, hadis Rasulullah SAW, bacaan dalam ibadah seperti solat dan haji serta bacaan zikir dan doa harian. Antara buku atau modul pembelajaran bahasa Arab tersebut ialah *Panduan Belajar Bahasa Arab untuk Jemaah Haji dan Umrah* (2009) oleh Muhammad Sabri Sahrir, *Pengajaran Bahasa Arab Menerusi al-Quran* (2010) oleh Sohair Abdel Moneim Sery, *Bahasa Arab untuk Ibadah* (2010) oleh Mohd Puzhi Usop dan Mohammad Seman, *Asas Bahasa Arab Melalui al-Quran* (2010) oleh Zainuddin Ismail, Ibrahim Yaacob dan Salamiah Ab. Ghani, dan *Fahami Bacaan dalam Solatmu* (2011) oleh Ibrahim Hashim, Isahak Haron et al. Keperluan mempelajari bahasa Arab untuk memahami al-Quran dan tujuan ibadah turut dinyatakan oleh Naimah Abdullah et al. (2006), Zamri Rajab et al. (2012) dan Suhaila Zailani@ Hj. Ahmad et al. (2012) dalam perbincangan kajian ilmiah mereka. Kajian berkaitan pengajaran bahasa Arab yang berkait dengan tujuan agama seperti yang dijalankan di bawah program j-QAF turut disarankan oleh Ismail Muhamad et al. (2013) supaya diberikan penambahbaikan secara berterusan bagi memastikan ia dapat menjadi satu inovasi dalam sistem pendidikan negara.

Namun, pastinya masih terdapat ~~kelompangan di sana-sini yang masih perlu dilakukan~~ ruang yang masih boleh diisi dalam usaha penambahbaikan dari semasa ke semasa. Dari sudut yang lain pula, usaha mencari kaedah atau modul pembelajaran bahasa Arab yang lebih efektif perlu terus dijalankan agar kepelbagaian yang wujud dapat memberi nilai tambah yang terbaik dalam usaha meningkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah khususnya yang melibatkan masyarakat awam. Bertolak daripada permasalahan ini, kajian ini berusaha mendapatkan pandangan dan respons golongan awam tentang pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah bagi masyarakat awam.

OBJEKTIF KAJIAN

Meskipun kewujudan buku atau modul pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab adalah sangat menggalakkan dalam pasaran semasa, namun berdasarkan kajian terkini yang dijalankan oleh Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad et al. (2012), kesemua modul ini masih belum memenuhi kehendak khalayak pembaca atau pelajar bahasa Arab daripada kalangan masyarakat awam. Bertolak daripada dapatan tersebut, kajian ini dijalankan bagi meneruskan usaha penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah yang melibatkan masyarakat awam. Objektif kajian ini adalah sepertimana berikut:

- a) Mengetahui persepsi masyarakat awam terhadap pembelajaran bahasa Arab.
- b) Mengetahui ciri-ciri modul pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah yang sejajar dengan kehendak masyarakat awam.
- c) Mendapatkan pandangan masyarakat awam terhadap modul pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian kuantitatif yang melibatkan borang soal selidik. Soal selidik ini dijalankan secara atas talian (*online*). Penghebahan soal selidik kepada responden dijalankan menggunakan laman sosial Facebook[®] berdasarkan fakta yang menunjukkan bahawa Facebook[®] merupakan medium popular yang digunakan secara meluas dalam dunia maya (Ellison Steinfeld & Lampe, 2007; Sharifah Sofia et al., 2011). Akaun Facebook[®] salah seorang penulis iaitu Mohd Shahrizal Nasir yang mempunyai sejumlah 5000 orang sahabat (*friends*) telah dijadikan medium untuk mengumpul responden bagi menjawab soal selidik kajian ini. Pembukaan borang kajian soal selidik secara atas talian mengambil masa selama 15 hari bermula pada 2 Mei 2013 hingga 16 Mei 2013. Kaji selidik ini dijalankan dalam bahasa Melayu memandangkan sasaran responden adalah dalam kalangan masyarakat muslim awam di Malaysia. Rajah 2 berikut adalah paparan yang merujuk kepada hebahan soalan kaji selidik yang dipaparkan dalam akaun Facebook[®].



Rajah 2. Paparan hebahan soal selidik kajian menggunakan medium Facebook[®]

Setelah tempoh masa yang ditetapkan untuk mengumpul data tamat, kajian soal selidik ini melibatkan seramai 616 orang responden. Berdasarkan kalkulator pengiraan kesahan jumlah sampel secara atas talian dalam laman sesawang www.raosoft.com, saiz sampel kajian yang mencapai tahap kebolehpercayaan bagi populasi 5000 orang ialah antara 257, 357 dan 586 orang mengikut tahap kebolehpercayaan tersendiri iaitu 90%, 95% dan 99%. Oleh itu, jumlah 616 orang responden yang terlibat dalam kajian ini telah melepasi tahap kebolehpercayaan kajian yang dijalankan.

Borang soal selidik kajian ini terdiri daripada empat bahagian. Bahagian A melibatkan latar belakang responden sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual 2, 3 dan 4. Untuk bahagian B dan D, skala Likert lima tahap digunakan bagi menilai persepsi masyarakat awam terhadap pembelajaran bahasa Arab dan pandangan mereka tentang ciri-ciri umum pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah. Lima skala Likert yang digunakan ialah 1 = Sangat tidak setuju, 2 = Tidak setuju, 3 = Tidak pasti, 4 = Setuju, dan 5 = Sangat Setuju. Bahagian C pula melibatkan soalan objektif berkaitan kefahaman asas masyarakat awam terhadap bacaan ibadah dalam

bahasa Arab. Namun, analisis dapatan untuk makalah ini tidak melibatkan bahagian C. Berikut ialah empat bahagian borang soal selidik kajian yang dinyatakan dalam Jadual 1:

Jadual 1. Kandungan item set soal selidik

Bahagian	Item
A	Latar Belakang responden.
B	Persepsi responden terhadap pembelajaran bahasa Arab.
C	Kefahaman asas dalam bahasa Arab dalam kalangan responden.
D	Ciri-ciri atau pandangan umum Cadangan responden terhadap modul pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Analisis demografi responden menunjukkan sejumlah 616 orang responden yang terdiri daripada pelbagai latar belakang terlibat dalam kajian ini. Berikut dinyatakan maklumat berkaitan responden.

Jadual 2. Maklumat responden

Negeri di Malaysia	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Perlis	2	0.3
Kedah	32	5.2
Pulau Pinang	12	1.9
Perak	29	4.7
Selangor	180	29.2
Kelantan	53	8.6
Terengganu	53	8.6
Sarawak	8	1.3
Negeri Sembilan	20	3.2
Melaka	16	2.6
Johor	110	17.9
Sabah	9	1.5
Pahang	20	3.2
Wilayah Persekutuan (Putrajaya/Labuan)	52	8.4
Lain-lain	20	3.2
Jumlah	616	100.0

Jadual 2 menunjukkan maklumat responden berkaitan negeri tempat tinggal masing-masing. Berdasarkan maklumat ini, kesemua negeri mempunyai wakil responden. Selangor mencatatkan bilangan responden paling ramai iaitu seramai 180 orang (29.2%), diikuti dengan negeri Johor

seramai 110 orang (17.9%). Manakala bagi negeri Kelantan dan Terengganu, masing-masing mencatat bilangan responden seramai 53 orang (8.6%). Negeri Sabah, Sarawak dan Perlis diwakili oleh bilangan responden paling kecil dengan masing-masing seramai 9 (1.5%), 8 (1.3%) dan 2 (0.3%) responden. Berdasarkan jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini didapati bahawa penggunaan Facebook[®] sebagai medium untuk menyebarkan soal selidik merupakan salah satu cara yang efektif dan mudah bagi mendapatkan jumlah responden yang relevan dalam kajian yang dijalankan.

Jadual 3. Jantina responden

	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	317	51.5
Perempuan	299	48.5
Jumlah	616	100.0

Dari segi jantina pula, Jadual 3 menunjukkan bahawa responden terdiri daripada 317 orang lelaki (51.5%) dan 299 orang perempuan (48.5%). Perbezaan bilangan responden lelaki dan perempuan tidak begitu ketara iaitu hanya 3%. Jurang perbezaan yang kecil ini memberi petunjuk bahawa isu yang diketengahkan dalam kajian ini menjadi perhatian masyarakat awam merentasi batasan gender.

Jadual 4. Latar pendidikan responden

	Kekerapan	Peratus (%)
SPM/STPM	32	5.2
Diploma	74	12.0
Ijazah	364	59.1
Sarjana	117	19.0
Ph.D	25	4.1
Lain-lain	4	.6
Jumlah	616	100.0

Jadual 4 menyatakan latar belakang pendidikan para responden. Maklumat dalam jadual menunjukkan bahawa responden terdiri daripada pelbagai latar pendidikan. Pemegang ijazah pertama atau ijazah sarjana muda mencatatkan bilangan yang tertinggi iaitu seramai 364 orang (59.1%). Jumlah kedua terbesar iaitu seramai 117 orang (19.0%) iaitu terdiri daripada responden yang memiliki ijazah Sarjana. Responden yang memiliki ijazah doktor falsafah (Ph.D), iaitu tahap pendidikan tertinggi dalam akademik turut serta sebagai responden dalam kajian ini dengan jumlah seramai 25 orang (4.1%). Kelompok responden ini terdiri daripada pemegang Ph.D daripada pelbagai bidang pengajian. Manakala terdapat 4 orang responden atau (0.6%) yang menyatakan latar pendidikan lain-lain.

Daripada soal selidik yang dijalankan bagi mengenal pasti persepsi responden yang terdiri daripada masyarakat awam terhadap pembelajaran bahasa Arab ini, beberapa keputusan analisis dapat dilihat sebagai petunjuk bagi mencapai objektif kajian.

Jadual 5. Persepsi responden terhadap pembelajaran bahasa Arab

		Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju
1	Saya berminat untuk mempelajari bahasa Arab.	3 (0.5%)	8 (1.3%)	54 (8.8%)	156 (25.3%)	395 (64.1%)
2	Saya merasakan bahawa mempelajari bahasa Arab merupakan satu keperluan.	4 (0.6%)	4 (0.6%)	50 (8.1%)	156 (25.3%)	402 (65.3%)
3	Saya mudah untuk mendapatkan bahan pembelajaran bahasa Arab yang sesuai dengan keperluan saya.	21 (3.4%)	112 (18.2%)	235 (38.1%)	158 (25.6%)	90 (14.6%)
4	Saya menggunakan bahasa Arab setiap hari.	198 (32.1%)	144 (23.4%)	150 (24.4%)	54 (8.8%)	70 (11.4%)
5	Sebagai muslim, saya berpendapat bahawa mempelajari bahasa Arab adalah sesuatu yang penting.	4 (0.6%)	4 (0.6%)	22 (3.6%)	92 (14.9%)	494 (80.2%)
6	Dengan mempelajari bahasa Arab, ia dapat membantu saya memahami bacaan dalam ibadah harian saya.	6 (1.0%)	1 (0.2%)	6 (1.0%)	63 (10.2%)	540 (87.7%)
7	Sekiranya saya diberi peluang untuk belajar bahasa Arab, saya tidak akan melepaskan peluang tersebut.	1 (0.2%)	6 (1.0%)	38 (6.2%)	136 (22.1%)	435 (70.6%)

Berdasarkan dapatan soal selidik yang dinyatakan dalam Jadual 5, minat responden terhadap pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab berada pada tahap yang tinggi dan baik. Item 1 memberi petunjuk jelas bahawa para responden berminat untuk mempelajari bahasa Arab. Hanya 11 orang (1.8%) responden yang tidak berminat untuk mempelajari bahasa Arab. Kesedaran terhadap kepentingan bahasa Arab kepada individu muslim bagi meningkatkan mutu ibadah juga tinggi. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan item 5 yang menunjukkan 494 orang responden atau 80.2% menyatakan sangat setuju bahawa bahasa Arab merupakan sesuatu yang penting bagi setiap muslim. Malah majoriti responden menyatakan bahawa mereka tidak akan melepaskan peluang untuk mempelajari bahasa Arab. **Dapatan ini sejajar dengan pendapat Kamarul Shukri et al. (2012) yang menyatakan bahawa kedudukan bahasa Arab sebagai 'bahasa ibadah' mempengaruhi proses pembelajaran bahasa Arab bagi orang Islam dalam persekitaran amalan berkaitan agama Islam dipraktikkan secara berterusan.** Namun, item 4 menunjukkan seramai 198 orang responden (32.1%) menyatakan sangat tidak setuju bahawa mereka menggunakan bahasa Arab setiap hari, selain 144 orang (23.4%) menyatakan tidak setuju terhadap pernyataan tersebut. Berdasarkan keputusan ini, menjadi satu keperluan agar diberikan satu penjelasan yang tepat supaya masyarakat awam menyedari keterlibatan mereka sebagai penutur atau pengguna bahasa Arab setiap hari.

Rata-rata daripada kalangan responden tidak menyedari bahawa mereka menggunakan bahasa Arab setiap hari, khususnya dalam pelaksanaan solat fardu lima waktu, zikir, doa harian dan bacaan ayat-ayat al-Quran. Dalam masa yang sama, item 6 yang menyatakan bahawa bahasa Arab dapat membantu responden memahami bacaan dalam pelaksanaan ibadah menunjukkan

seramai 540 orang responden atau 87.7% berpendirian sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Kesedaran tinggi responden terhadap kepentingan pembelajaran bahasa Arab masih belum dapat diterjemahkan dalam pelaksanaan ibadah sekiranya masyarakat awam tidak menyedari penggunaan bahasa ini secara rutin dalam kehidupan harian mereka.

Item nombor 3 menarik pemerhatian agar bahan pembelajaran bahasa Arab yang bersesuaian dengan keperluan usaha mempelajari bahasa Arab perlu dipergiatkan. Promosi bahan-bahan bacaan yang dapat membantu usaha meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab perlu diperhebatkan lagi. Dalam hal ini, seramai 235 orang responden atau 38.1% tidak pasti sama ada mudah atau sukar untuk mendapatkan bahan pembelajaran bahasa Arab dalam pasaran semasa. Hal ini menjadi asas perlunya usaha memperbanyakkan modul pengajaran bahasa Arab dalam pasaran semasa terutama yang melibatkan fokus untuk tujuan ibadah.

Jadual 6. Cadangan responden terhadap pembinaan modul pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah

		Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju
1	Saya berpendapat perlu ada modul khusus untuk mempelajari bahasa Arab.	3 (0.5%)	2 (0.3%)	25 (4.1%)	164 (26.6%)	422 (68.5%)
2	Saya berpendapat modul mestilah menepati tujuan pembelajaran bahasa Arab.	3 (0.5%)	0 (0%)	19 (3.1%)	163 (26.5%)	431 (70.0%)
3	Saya berpendapat modul mestilah meraikan latar belakang penuntut bahasa Arab.	13 (2.1%)	19 (3.1%)	112 (18.2%)	167 (27.1%)	305 (49.5%)
4	Saya berpendapat kaedah terjemahan dapat membantu saya memahami bahasa Arab.	4 (0.6%)	8 (1.3%)	36 (5.8%)	157 (25.5%)	411 (66.7%)
5	Saya berpendapat tatabahasa bahasa Arab tidak perlu diutamakan bagi pembelajaran bahasa Arab di peringkat permulaan.	138 (22.4%)	132 (21.4%)	152 (24.7%)	89 (14.4%)	105 (17.0%)
6	Saya berpendapat dengan mempelajari bahasa Arab, ia dapat menambah kekhayusan dalam solat.	3 (0.5%)	3 (0.5%)	21 (3.4%)	83 (13.5%)	506 (82.1%)
7	Saya berpendapat perlu diperbanyakkan contoh-contoh ayat yang dipetik daripada bacaan dalam ibadah.	2 (0.3%)	2 (0.3%)	29 (4.7%)	140 (22.7%)	443 (71.9%)

1							
2							
3	8	Saya berpendapat untuk	1	5	24	163	423
4		menguasai bahasa Arab	(0.2%)	(0.8%)	(3.9%)	(26.5%)	(68.7%)
5		memerlukan latihan yang					
6		komprehensif.					
7							
8	9	Saya berpendapat kemahiran	1	8	70	217	320
9		mendengar perlu	(0.2%)	(1.3%)	(11.4%)	(35.2%)	(51.9%)
10		diutamakan dalam modul					
11		bahasa Arab.					
12							
13	10	Saya berpendapat kemahiran	2	10	53	192	359
14		bertutur perlu diutamakan	(0.3%)	(1.6%)	(8.6%)	(31.2%)	(58.3%)
15		dalam modul bahasa Arab.					
16							
17	11	Saya berpendapat kemahiran	1	2	38	218	357
18		membaca perlu diutamakan	(0.2%)	(0.3%)	(6.2%)	(35.4%)	(58.0%)
19		dalam modul bahasa Arab.					
20							
21	12	Saya berpendapat kemahiran	6	13	69	234	294
22		menulis perlu diutamakan	(1.0%)	(2.1%)	(11.2%)	(38.0%)	(47.7%)
23		dalam modul bahasa Arab.					

Jadual 6 memaparkan dapatan soal selidik berkenaan ciri-ciri modul atau buku bagi pembelajaran bahasa Arab. Fokus diberikan terhadap masyarakat awam yang berhajat untuk mempelajari bahasa Arab terutamanya yang melibatkan tujuan ibadah. Item 1 menunjukkan seramai 422 orang responden atau 68.5% menyatakan sangat setuju terhadap keperluan penghasilan sebuah modul khusus untuk mempelajari bahasa Arab yang meraikan tahap dan latar belakang pelajar serta tujuan pembelajaran bahasa Arab. Kandungan modul pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan akademik pastinya berbeza dengan pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah. Kandungan modul yang memfokus kepada tujuan pembelajaran akan lebih menarik minat pelajar mengikuti modul tersebut. Menurut Hassan Basri dan Mohd Azhar (2005) banyak kesan negatif lahir daripada pendekatan mengajar bahasa Arab secara umum tanpa menjurus kepada keperluan pelajar. Hal tersebut menunjukkan ketidakpekaan tenaga pengajar terhadap keperluan pelajar dan ia akan menghilangkan minat para pelajar terhadap bahasa Arab kerana mereka melihat tiada sebarang hubung kait antara apa yang mereka pelajari dengan apa yang mereka akan aplikasikan.

Menurut Ahmad Majdi (2006), tatabahasa Arab merupakan satu ilmu yang membincangkan kaedah-kaedah pertuturan dan penulisan yang betul. Kamarul Shukri (2005) menyatakan bahawa perkataan 'tatabahasa Arab' adalah sinonim bagi perkataan *al-Nahw al-'Arabi*. Terdapat pendapat yang menyatakan bahawa tatabahasa Arab amat rumit dan sukar untuk difahami, lantas menimbulkan persepsi negatif pelajar terhadap tatabahasa Arab yang merangkumi ilmu nahu dan saraf. Keadaan ini menimbulkan pandangan agar tatabahasa Arab tidak perlu diberi penekanan dalam proses pembelajaran bahasa Arab bagi bukan penutur jati. Walau bagaimanapun, item 5 dalam jadual 6 menunjukkan seramai 270 orang responden (43.8%) tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa tatabahasa Arab tidak perlu diutamakan bagi pembelajaran bahasa Arab pada peringkat permulaan. Dapatan ini menunjukkan bahawa meskipun tatabahasa Arab bersifat rumit, namun ia tetap merupakan satu keperluan dalam pembelajaran bahasa Arab. Tanpa penguasaan terhadap tatabahasa Arab, maka pembelajaran bahasa Arab akan menjadi sia-sia kerana ia hanya akan meletakkan pelajar dalam keadaan yang salah dan sesat. Apatah lagi

1
2
3 apabila bahasa Arab yang dipelajari memfokus terhadap penggunaannya dalam pelaksanaan
4 amal ibadah.
5
6

7 Pendekatan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab perlu lebih kreatif agar dapat menarik
8 minat pelajar untuk mempelajarinya serta mudah untuk memahaminya. Pendekatan pengajaran
9 perlu berbeza mengikut peringkat pembelajaran. Bagi pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan
10 ibadah, contoh-contoh yang dimuatkan dalam modul perlu melibatkan ayat-ayat al-Quran dan
11 bacaan-bacaan dalam solat, zikir dan doa harian. Hal ini sejajar dengan jawapan responden
12 terhadap item soal selidik 7 yang mencatat keputusan sangat setuju oleh 443 orang responden
13 atau 71.9%, dan 140 orang responden atau 22.7% menyatakan setuju terhadap pernyataan
14 berkaitan keperluan pemanfaatan contoh-contoh dalam pembelajaran bahasa Arab yang
15 melibatkan bacaan-bacaan dalam ibadah. Secara umumnya, seseorang itu dianggap sudah
16 mengetahui dan memahami sesuatu bahasa apabila mampu menguasai empat kemahiran asas
17 berbahasa iaitu bertutur, mendengar, membaca dan menulis (Ahmad Majdi, 2006).
18
19

20
21 Dalam kajian ini, dapatan menunjukkan bahawa bagi keutamaan pengajaran bahasa Arab
22 melibatkan kemahiran berbahasa, kemahiran bertutur dan membaca mencatat keputusan tertinggi
23 dengan masing-masing 58.3% dan 58.0% dari segi keutamaannya, berbanding dengan kemahiran
24 mendengar dan menulis. Dua kemahiran yang mencatat pilihan sebagai keutamaan tertinggi iaitu
25 kemahiran bertutur dan membaca dilihat sejajar dengan fokus kajian ini yang memberi
26 keutamaan kepada pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah. Sememangnya kedua-dua
27 kemahiran berbahasa ini mempunyai signifikan yang besar dalam pelaksanaan ibadah oleh
28 seseorang muslim. Dapatan ini sejajar dengan kepentingan kemahiran membaca yang dilihat
29 sebagai kemahiran yang berupaya menyumbang kepada pemeraksanaan kemahiran berbahasa bagi
30 seseorang pelajar. Hal ini disebabkan kemahiran membaca mampu menyediakan tapak yang
31 kukuh bagi pembinaan kemahiran berbahasa (Tu'aymah, 1989; Krashen, 2004). Berkenaan
32 dengan kepentingan kemahiran bertutur pula, menurut Brown (2001) ia merupakan tanda aras
33 (*benchmark*) kejayaan sesuatu usaha pembelajaran bahasa. Manakala Luoma (2004) menyatakan
34 bahawa kemahiran bertutur merupakan komponen penting dalam kurikulum pembelajaran
35 bahasa. Malah kajian Azani Ismail et al. (2012) menyarankan agar aktiviti lakonan dilaksanakan
36 dalam proses pembelajaran bahasa Arab khusus untuk membantu pelajar menguasai kemahiran
37 bertutur. Menerusi aktiviti lakonan, para guru bahasa Arab dapat mengenal pasti kesukaran yang
38 dihadapi oleh pelajar dalam kemahiran bertutur atau kemahiran lisan. Begitulah terserlahnya
39 kepentingan kemahiran membaca dan bertutur dalam proses penguasaan bahasa Arab.
40
41
42
43
44
45

46 **CADANGAN LANJUT RESPONDEN TERHADAP PEMBINAAN MODUL** 47 **PEMBELAJARAN BAHASA ARAB UNTUK TUJUAN IBADAH** 48

49 Bagi mendapat gambaran yang lebih jelas mengenai pandangan responden terhadap ciri-ciri
50 modul pembelajaran bahasa Arab dan pandangan umum mereka terhadap pembelajaran bahasa
51 Arab untuk tujuan ibadah, para pengkaji telah memasukkan tinjauan soal-selidik terbuka (*open-*
52 *ended survey*) dalam kajian ini. Berikut adalah dapatan tema komentar dan cadangan daripada
53 responden yang telah dianalisis berdasarkan komen yang dikumpulkan. Cadangan ini merupakan
54 sebahagian daripada cadangan-cadangan yang telah dikemukakan dan ia dikelaskan kepada dua
55 tema utama. Tema 'Pendekatan/Metode' memberi fokus terhadap cadangan melibatkan
56
57
58
59
60

kandungan modul, manakala tema ‘Motivasi’ melibatkan cadangan bagi meningkatkan tahap motivasi dan minat masyarakat awam terhadap pembelajaran bahasa Arab.

Jadual 7. Tema utama bagi komentar dan cadangan responden terhadap pembinaan modul pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah

No.	Cadangan
1	<p>PENDEKATAN/METODE</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memperkenalkan masyarakat dengan ungkapan atau frasa dalam bahasa Arab yang membawa maksud doa. Contohnya: “Semoga Allah berkati kamu”, “Semoga kamu dilindungi oleh Allah”, “Semoga Allah lanjutkan usia kamu” dan “Semoga kamu mendapat kejayaan cemerlang”. • Menggunakan pendekatan pengulangan (<i>tardid</i>) sesuatu perkataan dan sentiasa mengaitkan pelajaran lepas dengan pelajaran semasa. • Menggunakan sistem Transliterasi dalam modul bahasa Arab. • Memberi contoh setiap kata kerja (<i>fi'l</i>) dan kata nama (<i>ism</i>) yang diambil daripada al-Quran dan hadis atau bacaan zikir yang <i>ma'thur</i>. • Menitikberatkan modul kemahiran penulisan dan komunikasi dalam bentuk <i>fushah</i> (bahasa rasmi), bukan <i>'ammi</i> (bahasa pasar). • Melatih supaya belajar bahasa Arab berdasarkan tafsir al-Quran dan kamus bahasa Arab. • Mahir dalam penggunaan <i>wazn</i> (pola) yang merupakan perubahan daripada satu perkataan kepada makna yang pelbagai. • Mengajar dalam bentuk <i>smart</i> atau ringkas; seperti penggunaan jadual, nota ringkas dan peta minda yang mudah. • Mengetahui keutamaan mempelajari bahasa secara kritikal, iaitu untuk komunikasi, membaca teks, memahami ayat-ayat al-Quran dan menulis. • Mengutamakan aspek tatabahasa Arab iaitu nahu dan saraf. • Memulakan pembelajaran dengan perkara-perkara asas terlebih dahulu seperti <i>ism</i> (kata nama), <i>fi'l</i> (kata kerja), <i>harf</i> (partikel), <i>muzakar</i> (maskulin) dan <i>mu'annath</i> (feminin), <i>damir</i> (kata ganti nama), <i>ism al-isharah</i> (kata tunjuk) dan lain-lain. • Pembelajaran perlulah disertai dengan suara supaya dapat diperbetulkan sebutan huruf Arab.
2	<p>MOTIVASI</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perlu lebihkan pendedahan kepada masyarakat awam tentang keperluan mempelajari bahasa Arab serta perlu seiring dengan suntikan motivasi dan <i>'mindset'</i> bahawa bahasa Arab itu

mudah.

- Memperbanyak sumber pembelajaran bahasa Arab melalui kemudahan internet seperti Facebook, Twitter, Google+, Edmodo, laman web & blog.
- Menerbitkan satu buku atau modul khas yang mudah difahami dan dipelajari untuk setiap peringkat. Buku yang digunakan mestilah mudah, bergambar dan mempunyai pelbagai warna.
- Memperbanyakkan slot belajar bahasa Arab dalam televisyen dan radio yang melibatkan orang dewasa sebagai peserta.
- Membuat *hiwar* (perbualan) yang berbentuk kartun ataupun animasi bergambar berserta terjemahannya.
- Cara penyampaian perlu berkesan mengikut peringkat umur. Contohnya bagi peringkat kanak-kanak dan remaja, mungkin melalui permainan. Manakala peringkat dewasa melalui pendekatan agama.
- Pembelajaran dan pengajaran yang disulami dengan teori dan praktikal dan menyeronokkan. Adanya aktiviti seperti syair, nasyid, *choral speaking* (bicara berirama) dan seumpamanya.
- Pembelajaran bahasa Arab dapat disertakan juga dengan tulisan Jawi dan khat.
- Menganjurkan kursus asas bahasa Arab untuk sesiapa yang akan menunaikan ibadah umrah atau haji.
- Tidak terlalu menekankan aspek tatabahasa untuk pelajar yang baru mula mempelajari bahasa Arab. Sebaliknya mereka perlu mengaplikasi konsep dengar, tiru dan ajuk semula iaitu sama seperti kaedah semula jadi yang digunakan oleh kanak-kanak kecil ketika mula belajar bertutur.
- Mengadakan kelas-kelas pengajian secara percuma untuk masyarakat awam dan disertakan dengan aktiviti yang menarik dan bersesuaian mengikut tahap pelajar.
- Memberikan risalah bahasa Arab berserta terjemahan pada hari Jumaat di masjid-masjid. Contohnya dalam bentuk cerita, dialog dan isu semasa berserta terjemahannya.
- Mewujudkan suasana pembelajaran yang merangsang minat pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab.

PERBINCANGAN DAPATAN

Hasil daripada komentar dan cadangan oleh para responden **daripada kajian ini**, pelbagai input boleh digabung jalin bagi menghasilkan sebuah modul pembelajaran yang meraikan latar belakang dan cita rasa pelajar. Bagi tema 'Pendekatan/Metode' yang memberi fokus terhadap cadangan melibatkan kandungan modul, rata-rata responden mengaitkan elemen-elemen ibadah dalam pembelajaran bahasa Arab seperti ayat-ayat suci al-Quran dan hadis, bacaan zikir yang *ma'thur* dan penggunaan tafsir al-Quran. Malah ada dalam kalangan responden yang

1
2
3 menekankan perlunya mempelajari bahasa Arab *fushah* (bahasa rasmi) yang sememangnya
4 digunakan dalam pelaksanaan amal ibadah. Begitu juga dengan penekanan terhadap tatacara
5 sebutan huruf bahasa Arab. Sepertimana yang diketahui umum, kesalahan dalam menyebut
6 huruf-huruf Arab dalam bacaan ayat-ayat suci al-Quran dan bacaan-bacaan tertentu dalam solat
7 boleh menyebabkan pelaksanaan ibadah tersebut tidak mencapai kualiti yang sepatutnya, malah
8 mungkin menyebabkan ibadah solat tidak sah.
9
10

11 Berkenaan dengan tema kedua iaitu ‘Motivasi’ yang melibatkan cadangan bagi meningkatkan
12 tahap motivasi dan minat masyarakat awam terhadap pembelajaran bahasa Arab, didapati
13 bahawa ramai responden menyarankan agar proses pembelajaran bahasa Arab untuk golongan
14 masyarakat awam disertakan dengan elemen motivasi yang dapat mengubah persepsi mereka
15 terhadap bahasa Arab. Bahasa Arab perlu dikenali sebagai satu bahasa yang mudah kerana ia
16 digunakan dalam pelaksanaan ibadah setiap hari, ditambah pula pemanfaatan sejumlah besar
17 kosa kata Arab dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu. Kesemua ini memberi petunjuk
18 bahawa bahasa Arab itu mudah untuk dikuasai.
19
20
21

22 Selain itu, pemanfaatan kemudahan teknologi masa kini dalam dunia komunikasi mempunyai
23 peranan tersendiri dalam meningkatkan motivasi pelajar dalam aktiviti pembelajaran bahasa.
24 Media sosial seperti Facebook, Twitter, Google+, Edmodo, laman web dan blog perlu
25 dimanfaatkan pada tahap maksimum dalam proses pembelajaran bahasa Arab secara interaktif.
26 Menurut Jamalludin dan Zaidatun (2005), pemanfaatan teknologi dalam pengajaran mampu
27 untuk mempercepatkan proses pemahaman serta mengekalkan maklumat tersebut dalam tempoh
28 masa yang lebih lama dalam ingatan para pelajar. Selain itu, terdapat juga cadangan agar
29 diadakan beberapa aktiviti bahasa yang menarik dan bersesuaian mengikut tahap pelajar semasa
30 dalam proses pembelajaran. Cadangan ini amat bertepatan dengan pandangan Rim Adil al-Tark
31 (2011) yang menyatakan bahawa aktiviti bahasa dapat membentuk persekitaran bahasa dan
32 mempertingkatkan kemahiran berbahasa bagi pelajar khususnya daripada kalangan bukan
33 penutur jati bahasa tersebut. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa modul-modul
34 pembelajaran bahasa Arab bagi tujuan ibadah masih boleh ditambah baik dengan elemen
35 bergambar, teknologi multimedia, kesesuaian tajuk dengan tahap dan keperluan pelajar, serta
36 meraikan pelbagai metode pengajaran dan pembelajaran yang merangsang minat pelajar.
37
38
39
40

41 Hakikatnya, pembelajaran bahasa Arab untuk masyarakat awam tidak boleh disamakan dengan
42 pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan akademik sepertimana yang dipraktikkan di sekolah dan
43 institusi pengajian tinggi. Pembelajaran bahasa Arab bagi masyarakat awam perlu meraikan
44 tujuan pembelajaran bahasa Arab sepertimana yang diperlukan oleh golongan ini, khususnya
45 bagi tujuan penambahbaikan mutu amal ibadah.
46
47
48

49 **PENUTUP**

50 Berdasarkan hasil dapatan kajian dan perbincangan mengenainya, dapat disimpulkan bahawa
51 majoriti responden memberi respons yang positif terhadap pembelajaran bahasa Arab untuk
52 tujuan ibadah. Ciri-ciri modul pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah yang dinyatakan
53 oleh para responden menjadi petunjuk kepada kesesuaian modul pembelajaran yang meraikan
54 latar belakang dan tujuan pembelajaran bahasa al-Quran bagi masyarakat awam terutamanya
55
56
57
58
59
60

1
2
3 ~~untuk tujuan ibadah~~. Kesemua cadangan yang diberikan oleh responden adalah sangat baik bagi
4 meningkatkan mutu pembelajaran bahasa Arab untuk masyarakat awam. Tanpa menafikan usaha
5 yang telah dimulakan oleh para sarjana bidang pengajian bahasa Arab dalam menghasilkan
6 modul pengajaran masing-masing, satu rangka modul pengajaran bahasa Arab untuk tujuan
7 ibadah ~~akan perlu diusaha dan dicadangkan~~ ~~dibina~~ berdasarkan dapatan kajian ini. Usaha ini
8 merupakan satu ~~langkah usaha tambahan bagi menambah baik~~ ~~penambahbaikan~~ proses
9 pembelajaran bahasa Arab untuk masyarakat awam. Pembinaan modul pembelajaran bahasa
10 Arab secara atas talian (*online*) turut dilihat bersesuaian dengan kepesatan dunia teknologi masa
11 kini, selain untuk menyerlahkan kelainan yang terdapat pada modul yang bakal diusahakan.
12 Setiap pihak khususnya golongan muslim perlu berganding bahu dalam usaha memperkasakan
13 bahasa Arab di Malaysia. Kepentingan bahasa ini dalam kehidupan setiap individu muslim
14 mengukuhkan lagi keperluan untuk mempelajari dan menguasai bahasa Arab. Selain merupakan
15 satu bahasa ilmu dan termasuk dalam kategori bahasa utama dunia, pemerksaan bahasa Arab
16 perlu bermula dari institusi pendidikan sama ada di peringkat rendah mahupun peringkat tinggi
17 serta tidak ketinggalan ia juga melibatkan golongan yang lebih besar iaitu masyarakat awam
18 yang beragama Islam.
19
20
21
22
23

24 RUJUKAN

- 25
26
27 ‘Abdullah Basmeih. (2001). *Tafsir pimpinan ar-Rahman kepada pengertian al-Qur’an*. Kuala
28 Lumpur: Darulfikir.
29
30 Abdullah Jusuh. (1989). *Pengenalan tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa
31 dan Pustaka.
32
33 Ahmad Majdi Mat Salleh. (2006). *Bahasa Arab Komunikasi tahap 1*. Tanjong Malim: Penerbit
34 Universiti Pendidikan Sultan Idris.
35
36 Azani Ismail @ Yaakub, Azman Che Mat & Mat Taib Pa. (2012). Membina kemahiran
37 pertuturan menerusi aktiviti lakonan dalam pengajaran bahasa Arab. *GEMA OnlineTM*
38 *Journal of Language Studies*, 12(1), 325-337.
39
40 Brown, H. D. (2001). *Teaching by principles: An interactive approach to language pedagogy*.
41 New York: Addison Wesley Longman Inc.
42
43 Ellison, N. B., Steinfield, C., & Lampe, C. (2007). The benefits of Facebook “friends”: Social
44 capital and college students’ use of online social network sites. *Journal of Computer-*
45 *Mediated Communication*, 12(4), diakses pada 10 Oktober 2012 pada pautan:
46 <http://jcmc.indiana.edu/vol12/issue4/ellison.html>.
47
48 Fatimi S. Q. (1963). *Islam comes to Malaysia*. Singapore: Malaysian Sociological Research
49 Institute Limited.
50
51 Hassan Basri Awang Mat Dahan & Mohd Azhar Zailani. (2005). *Pengajaran bahasa Arab untuk*
52 *tujuan-khusus: Satu pandangan awal*. Masalah Pendidikan, 233-244.
53
54
55
56
57
58
59
60

- 1
2
3
4
5 Ibrahim Hashim, Isahak Haron et al. (2011). *Fahami bacaan dalam solatmu*. Batu Caves: PTS
6 Darul Furqan Sdn. Bhd.
7
- 8 Ismail Muhamad, Wan Maizatul Akmar Wan Ahmad & Azman Che Mat. (2013). Sikap dan
9 realiti penguasaan kemahiran bahasa Arab pelajar program j-QAF. *GEMA OnlineTM*
10 *Journal of Language Studies*, 13(2), 81-97.
11
- 12 Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir. (2005). *Multimedia konsep & praktis*. Selangor: Venton
13 Publishing Sdn. Bhd.
14
- 15 Kamarul Shukri Mat Teh. (2005). *Tatabahasa Arab dan pembinaan hukum daripada al-Quran*.
16 Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
17
- 18 Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Zamri
19 Mahamod. (2009). Strategi Metafizik: Kesenambungan penerokaan domain strategi utama
20 pembelajaran bahasa. *GEMA OnlineTM Journal of Language Studies*, 9(2), 1-13.
21
- 22 Kamarul Shukri Mat Teh, Norasyikin Osman & Siti Salwa Mohd Noor. (2012). Eksplorasi
23 penggunaan Strategi Metafizik ke arah penjajaran tipologi SPB. Dlm. Kamarul Shukri
24 Mat Teh et al., *Dinamika pendidikan bahasa Arab: Menelusuri inovasi profesionalisme*
25 *keguruan*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 115-127.
26
- 27 Komaruddin Hidayat. (1996). *Memahami bahasa agama*. Jakarta: Penerbit Paramadina.
28
- 29 Krashen, S. D. (2004). *The power of reading: Insights from the research*. Ed. Ke-2. Portsmouth:
30 Heinemann.
31
- 32 Luoma, Sari. (2004). *Assessing speaking*. Cambridge: Cambridge University.
33
- 34 Mohd Puzhi Usop & Mohammad Seman. (2010). *Bahasa Arab untuk ibadah*. Kuala Lumpur:
35 Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
36
- 37 Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh. (2012). *Pemanfaatan kosa kata Arab dalam*
38 *bahasa Melayu: Satu analisis perbandingan dari sudut semantik*. International
39 Conference on Social Sciences and Humanities, anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia,
40 12-13 Disember.
41
- 42 Mohd Shahrizal Nasir. (2013). *Ke arah pemeriksaan bahasa al-Quran*. Buletin Universiti Sultan
43 Zainal Abidin (UniSZA), 28-30.
44
- 45 Muhammad Sabri Sahrir. (2009). *Panduan belajar bahasa Arab untuk jemaah haji dan umrah*.
46 Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
47
- 48 Muhammad Sabri Sahrir. (2013). *Manfaat belajar bahasa Arab*. Kuala Lumpur: Berita Harian, 4
49 September. Pautan:
50
51
52
53
54
55
56
57
58
59
60

1
2
3
4
5
6
7
8
9
10
11
12
13
14
15
16
17
18
19
20
21
22
23
24
25
26
27
28
29
30
31
32
33
34
35
36
37
38
39
40
41
42
43
44
45
46
47
48
49
50
51
52
53
54
55
56
57
58
59
60

<http://www.bharian.com.my/bharian/articles/ManfaatpelajaribahasaArab/Article/cetak>

Naimah Abdullah, Norhayuza Mohamad, Zuraini Ramli, Aini Aziz, Juridah Atin & Midiyana Mohamad. (2006). *Tinjauan terhadap keperluan pembelajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama (BATA) di kalangan masyarakat Islam Malaysia*. Technical Report. Institute of Research, Development and Commercialization, Universiti Teknologi MARA.

Rim Adil al-Turk. (2011). *Iktisab maharah muhadathah li al-natiqin bi ghayr al-'Arabiyyah bi istiratijiyyah lu'biyyah: Tamthil adwar namuzajan*. Prosiding Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab 2011, 310-319.

Rosni Samah. (2009). *Isu pembelajaran bahasa Arab di Malaysia*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

Sharifah Sofiah, S. Z., Siti Zobidah Omar, Jusang Bolong & Mohd. Nizam. (2011). Facebook addiction among female university students. *Revista de administratie publica si politici sociale*. 2(7), 95-109.

Sohair Abdel Moneim Sery. (2010). *Pengajaran bahasa Arab menerusi al-Quran*. Batu Caves: Pustaka Haji Abdul Majid Sdn. Bhd.

Suhaila Zailani@ Hj. Ahmad, Salamiah Ab. Ghani, Ummu Hani Hj. Hashim, Kahzri Osman, Zainuddin Ismail & Hakim Zainal. (2012). *Modul pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab menerusi al-Quran*. Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12). Disunting oleh: Mohd Shukari Hamzah, et al. Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 255-267.

Tu'aymah, Rushdi Ahmad. (1989). *Ta'lim al-'Arabiyyah li ghayr al-natiqin bi-ha: Asalibu-hu wa manahijuh*. Rabat: Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO).

Zainuddin Ismail, Ibrahim Yaacob & Salamiah Ab. Ghani. (2010). *Asas bahasa Arab melalui al-Quran*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zamri Rajab, Mohd Yusri Mustafa & Mohammad Kamil Jaafar. (2012). Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berbantuan gaya syahid al-Quran (GSQ). *Jurnal Penyelidikan*, Institut Pendidikan Guru (IPG), Kampus Pendidikan Islam, Arkib Julai 2012. Pautan: http://www.ipislam.edu.my/index.php/research/archive/July_2012